

MEDIA WARGA KOTA WILAYAHKU



SELAMAT DATANG DR ZALIHA MUSTAFA ▶▶ 3

Lambakan
pempengaruh toksik
>> 7

Wira tak
didandang
>> 9 - 11

1888 masih utuh
berdiri
>> 13

Pemisahan kementerian fokus sumber baharu

Rintis kecerdasan ekonomi jangka panjang

AZLAN ZAMBRY

KEPUTUSAN Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim melaksanakan rombakan Kabinet bertujuan untuk memastikan setiap kementerian dapat ditadbir dengan lebih berkesan.

Pengarah Program MBA Putra Business School (PBS), **Profesor Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff** berkata Perdana Menteri sering menekankan mengenai prinsip tatakelola dan banteras rasuah maka dengan pemisahan kementerian ia membuka laluan untuk pentadbiran yang lebih berkesan terutama mengenai isu integriti.

“Apabila sesebuah kementerian diterajui oleh menteri yang lebih berkemampuan dan berprestasi tinggi, ia mencerminkan komitmen kerajaan dalam usaha memerangi rasuah sekali gus meningkatkan kepercayaan pelabur asing selain dari faktor kestabilan politik.

“Melalui komitmen jitu termasuk dengan rombakan Kabinet setelah setahun Kerajaan Perpaduan, ia jelas dapat membantu pertumbuhan ekonomi negara melalui pengurusan perbelanjaan di setiap kementerian yang lebih telus dan teratur, supaya tidak lagi berlaku ketirisan, pembaziran dan amalan rasuah,” katanya kepada *Wilayahku* pada Selasa.

Menjelas lanjut, Ahmed Razman menyifatkan pemisahan kementerian ini dapat memacu perkembangan positif dan memberi lebih fokus terhadap bidang-bidang yang berkeupayaan untuk mencerdaskan ekonomi negara.

“Jika dilihat, Kementerian Peralihan Tenaga dan Daya Guna Awam Malaysia yang diwujudkan hasil daripada pecahan



AMIR HAMZAH (kiri) ketika mengangkat sumpah sebagai Menteri Kewangan II di hadapan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah pada Selasa.

dua kementerian sebelum ini diterajui Timbalan Perdana Menteri II dari Sarawak yang giat meneroka bidang tenaga yang boleh diperbaharui sebagai sumber ekonomi baharu.

“Selain itu, langkah itu dibuat bagi mengurangkan kebergantungan kepada sumber karbon dan memfokuskan kepada sumber tenaga yang lebih mampan dan mampu mengurangkan impak negatif kepada alam sekitar yang kini berdepan dengan masalah perubahan iklim,” katanya.

Ahmed Razman berkata pemisahan Kementerian Komunikasi dan Kementerian Digital juga perlu dilihat dari sudut positif berikutan negara kini perlu bergerak lebih pantas dalam era ekonomi digital agar tidak ketinggalan berbanding negara serantau.

“Pecahan kementerian ini dilihat dapat memandu anjakan baharu

terhadap sumber ekonomi digital negara dan ia akan memberi penekanan terhadap sektor berkenaan yang kini digunakan lebih meluas,” ujarnya.

Dalam pada itu, Ahmed Razman menyifatkan pelantikan Datuk Seri Amir Hamzah Azizan sebagai Menteri Kewangan II dilihat memberi impak positif dalam pengurusan fiskal negara yang juga berperanan meningkatkan lagi kepercayaan komuniti peniaga terhadap Malaysia.

“Amir Hamzah merupakan bekas Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang mempunyai pengalaman luas dalam kewangan dan berkebolehan menguruskan aset berbilion ringgit.

“Sebagai seorang teknokrat dan profesional saya berharap pengurusan fiskal negara akan lebih tersusun, telus dan penuh semangat akauntabiliti serta diuruskan dengan profesional serta dapat memandu negara ke arah pengukuhan ekonomi,” katanya. **WK**



AHMED RAZMAN

Satu permulaan baik bagi Kerajaan Madani

AINI MAWAWI

KABINET di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim disifatkan sebagai satu permulaan yang baik untuk Kerajaan Madani dalam menjadi pengemudi yang kredibel pada masa akan datang.

Penganalisis Politik, **Ts Dr Syed Agil Alsagoff** berpandangan, Anwar sudah bersiap sedia memikirkan perkara tersebut sepanjang setahun pentadbiran beliau sebagai Perdana Menteri ke-10 (PMX).

“Menggalas tanggungjawab berat ini saya yakin beliau telah melihat dengan lebih teliti daripada semua sudut termasuklah dilema yang berlaku, rungutan, maklum balas atau apa sahaja daripada semua pihak.

“Disebabkan itulah maka rombakan ini lebih meluas bukan sekadar untuk

mengganti menteri bahkan turut melibatkan banyak kementerian selain pewujudan empat kementerian baharu iaitu Kementerian Peralihan Tenaga dan Daya Guna Awam serta Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Awam (pecahan daripada Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim) selain Kementerian Komunikasi dan Kementerian Digital.

“Saya fikir, kementerian yang dipisahkan contohnya Kementerian Komunikasi dan Digital adalah terdiri daripada kementerian yang kompleks dan pemisahan tersebut kemungkinan untuk memastikan fungsi ditambah baik. Jadi, ia adalah suatu yang perlu dan wajar,” ujar beliau kepada *Wilayahku*.

Tambah beliau, rombakan tersebut juga bertepatan setelah melihat prestasi menteri dan kementerian yang diwakili sebelum ini sekali gus jelas memperlihatkan

kebersanan mereka apabila menerajui satu-satu kementerian.

Mengulas lanjut tentang pertukaran portfolio Dr Zaliha Mustafa kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Syed Agil berkata pengalaman sebelum ini dapat dijadikan satu asas yang baik.

“Saya percaya pengalaman semasa menjadi Menteri Kesihatan dapat diaplikasikan untuk mengurus dan mentadbir portfolio baru yang berkaitan dengan Wilayah Persekutuan.

“Biarpun terdapat perbezaan dari sudut kesihatan dan dalam masa yang sama latar belakang beliau adalah seorang doktor namun itu bukan satu masalah yang rumit.

“Cuma sekarang beliau perlu melihat dengan lebih jauh dari segi tanggungjawab untuk merangka usaha dan memakmurkan lagi Wilayah Persekutuan antaranya untuk membasmi kemiskinan bandar seluruh negara dan melaksanakan program kesejahteraan bandar,” ujar beliau. **WK**



SYED AGIL



MENTERI



Datuk Seri
Dr Dzulkefly Ahmad
Menteri Kesihatan



Datuk Seri Johari
Abdul Ghani
Menteri Perlindungan
& Komoditi



Gobind Singh Deo
Menteri Digital



Steven Sim Chee Keong
Menteri Sumber Manusia



Datuk Seri Amir Hamzah
Azizan (Senator)
Menteri Kewangan II

TIMBALAN MENTERI



Datuk Seri Dr Noraini Ahmad
Timbalan Menteri
Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat



M. Kulasegaran
A/L V. Murugeson
Timbalan Menteri
Undang-undang
& Reformasi Institusi



Datuk Ramanan Ramakrishnan
Timbalan Menteri Pembangunan
Usahawan dan Koperasi



Wong Kah Woh
Timbalan
Menteri Pendidikan



Dr Zulkifli Hassan (Senator)
Timbalan Menteri Di Jabatan
Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)

Libatkan pemegang taruh, elak jadi serangan politik

Zaliha mampu tingkat pembaharuan di WP

AZLAN ZAMBRY

PELANTIKAN Dr Zaliha Mustafa sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) selepas portfolio itu ditinggalkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dilihat mampu mendepani cabaran untuk mengemudi pembaharuan dalam usaha untuk menyusun semula struktur masyarakat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Profesor Sosiologi Politik, Universiti Sains Malaysia (USM), **Profesor Datuk Dr Sivamurugan Pandian** berkata pelantikan tersebut membuktikan isu gender tidak menjadi halangan dalam menguruskan portfolio tersebut berikutan Zaliha telah mempunyai pengalaman yang mencukupi dalam menerajui Wilayah Persekutuan.

"Pengalaman yang diraih di Kementerian Kesihatan sebelum ini boleh menjadi panduan kepada beliau untuk meningkatkan pembaharuan yang dilaksanakan dan tidak perlu dilihat dari sudut gender.

"Apa yang penting apabila ada ketokohan dan kepimpinan maka peletakan beliau di situ membolehkan kementerian atau jabatan itu berkembang apatah lagi beliau juga akan mempunyai sistem sokongan yang membantu apa yang mahu dilakukan," katanya kepada *Wilayahku* pada Selasa.

Sivamurugan berkata Wilayah Persekutuan mempunyai tiga wilayah berbeza dan ia memerlukan sentuhan menteri dalam merealisasikan perubahan dari pelbagai sektor bagi memastikan pembangunan dan kemajuan yang dirancang boleh dilaksanakan.

"Zaliha perlu mendapatkan maklumat yang betul untuk mendekati pelbagai kumpulan sasar serta pihak berkepentingan yang terlibat secara langsung dalam pentadbiran ketiga-tiga Wilayah Persekutuan.

"Perubahan yang ingin dilakukan ini pastinya memerlukan keazaman politik kerana di pusat bandar cabarannya tentulah mengenai kewujudan pelbagai kelas dan kumpulan masyarakat atasan, pertengahan dan bawahan apatahlagi soal kemiskinan bandar dengan kos sara hidup yang semakin meningkat," katanya sambil menambah Zaliha perlu menyantuni semua golongan bagi memastikan keadilan sosial dapat ditegakkan selari dengan konsep Malaysia MADANI.

Menurut Sivamurugan, dalam memastikan perancangan meningkatkan sosioekonomi golongan rentan di Kuala Lumpur, Zaliha perlu menilai semula peranan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) serta agensi yang lain supaya fungsi mereka saling melengkapi demi memastikan ia tidak tersasar.

"Zaliha perlu menggunakan ketokohan beliau sebagai asas untuk memastikan fungsi agensi di bawah portfolionya tidak merencat perubahan

ke arah kemajuan atau proses modenisasi di kawasan-kawasan tertentu di bandar raya," katanya.

Menyentuh mengenai kedudukan pembangunan Kampung Baru, Sivamurugan menyatakan kawasan teras orang Melayu itu amat sinonim dengan Kuala Lumpur dan Zaliha perlu mendapatkan maklumat yang secukupnya daripada pelbagai pemegang taruh bagi mengelakkan beliau dijadikan sasaran serangan berbau politik.

"Beliau perlu bertemu bukan sahaja pihak atasan, tetapi juga masyarakat di situ bagaimana ia menzahirkan suasana yang seimbang dan situasi menang-menang untuk semua supaya tidak dilihat wujudnya kepentingan politik berbanding soal kebajikan atau latar belakang masyarakat di situ.

"Sudah pasti akan ada pelbagai asakan, desakan dan juga cabaran ke atas usaha untuk menyelami dan juga mengatasi kedudukan Kampung Baru dengan jalan penyelesaian yang terbaik dan mungkin boleh dimulakan dengan sesi *town hall* bagi mengenal pasti kerangka besar pembangunan Kampung Baru itu akan dapat memastikan ia tidak berkompromi dengan soal penggadaian tanah dan soal maruah termasuklah aspek persejaraan Kampung Baru itu sendiri," katanya.

DASAR RANGKUMI SEMUA

MENURUT Sivamurugan, dalam memenuhi aspirasi menguruskan golongan miskin bandar, Zaliha perlu mempertahankan dasar yang berlandaskan kepada keperluan *need based policy* yang merangkumi kesemua kelompok tanpa mengira agama, ras, etnik, kelas atau apa sahaja latar belakang mereka.

"Dalam konteks ini apatah lagi apa yang mahu dilakukan di Kuala Lumpur akan diperhatikan oleh pelbagai kelompok terutama juga isu berkaitan dengan soal pelbagai etnik dalam negara tetapi juga ia menjadi pusat tumpuan migrasi pendatang asing terutama ada kelompok tertentu yang sudah berleluasa yang boleh menzahirkan rasa tidak puas hati oleh masyarakat tempatan," katanya sambil menambah

Zaliha perlu menekankan keternampakan dan komunikasi yang bersesuaian supaya ia tidak mengganggu apa sahaja soal hak kaum di samping melindungi masyarakat tempatan.

Sivamurugan turut berkata tugas besar Zaliha turut diperlukan dalam mengurus dan memacu pertumbuhan ekonomi Labuan yang sebelum ini suram berikutan isu pandemik COVID-19 serta penguncupan sektor tenaga dan gas yang menjadi nadi kepulauan itu.

"Labuan ini perlu dilihat kerana ia menjadi tumpuan disebabkan ia dikelilingi perairan dan juga menjadi tempat persinggahan serta kawasan yang dianggap bebas cukai. Jadi bagaimana ia perlu dibangunkan serta perlu membuka ruang dan peluang kepada perniagaan, kewangan, pekerjaan masyarakat tempatan.

"Ia tidak boleh dilihat silo atau berasingan bagaimana wujudnya juga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan kerana ketiga-tiganya perlu dilihat secara sinergi dan bersama agar tidak ada yang terkebelakang atau terlalu hadapan. Yang penting adalah untuk memastikan tidak ada usaha untuk meminggirkan mana-mana kelompok masyarakat walaupun Labuan itu secara geografinya berada di kepulauan Borneo," katanya. **WK**

SENARAI MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN



Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad
(2004-2005)



Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil
(Pemangku 2005 - 2006)



Tan Sri Zulhasnan Rafique
(2006-2009)



Datuk Seri Raja Nong Chik Zainal Abidin
(2009-2013)



Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor
(2013-2018)



Khalid Samad
(2018-2020)



Tan Sri Annuar Musa
(2020 - 2021)



Datuk Seri Dr Shahidan Kassim
(2021-2022)



Datuk Seri Anwar Ibrahim
(3 Disember 2022 - 11 Disember 2023)



Program eMadani tak relevan?

Kerajaan bantu ringan beban

PADA 4 Disember lalu, orang ramai mula menebus kredit RM100 eMadani yang boleh digunakan bagi pembelian fizikal melalui penyedia perkhidmatan e-dompot yang terpilih.

Program yang dijangka memanfaatkan lebih 10 juta rakyat Malaysia itu merupakan usaha murni kerajaan yang telah diumumkan pada Majlis Peluncuran Kerangka Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat pada 27 Julai lalu.

Namun, dalam kehairahan menebus ganjaran tersebut tular pula di laman sosial yang mengatakan program tersebut tidak mesra pengguna kerana agak sukar untuk mendapatkan kredit tersebut.

Malah, terdapat pihak yang tidak bertanggungjawab turut menyalahkan kerajaan yang dianggap tidak bijak dalam membantu rakyat terutamanya yang terdesak untuk membeli barangan keperluan asas.

Sejujurnya bagi Wilayahku, seharusnya kita berterima kasih dengan pemberian kredit eMadani. Bukan ini sahaja bantuan yang kerajaan peruntukan, banyak lagi yang kita sudah pun nikmati.

Kalau nak bercakap tentang mesra pengguna tu rasanya dah banyak info-info yang disalurkan bagaimana caranya untuk menebus kredit tersebut. Maklumat sekarang

semuanya di hujung jari, tinggal klik sahaja. Iya tak?

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata sumbangan eMADANI itu dapat meringankan beban kewangan rakyat menjelang akhir tahun serta musim cuti persekolahan selain memupuk budaya pembayaran tanpa tunai.

"Pelaksanaan Program eMADANI adalah selaras dengan komitmen kerajaan untuk menyegerakan pelaksanaan terutama langkah yang menyokong agenda pendigitalan ekonomi negara serta membantu rakyat secara langsung.

"Ia juga boleh dimanfaatkan oleh peruncit atau peniaga yang menerima pembayaran melalui kemudahan kod QR dan DuitNow menggunakan salah satu e-dompot terbabit dan tertakluk kepada transaksi yang dibenarkan," kata beliau.

Tahukah anda, untuk program ini sahaja kerajaan memperuntukkan RM1 bilion. Bukan satu jumlah yang kecil. Diharapkan ia dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya. Cukup-cukuplah kondem sana sini.


Penggunaan kredit eMADANI serta manfaat padanan daripada penyedia perkhidmatan e-dompot terlibat hanya boleh dibelanjakan secara fizikal sahaja sehingga 29 Februari 2024.

Empat penyedia perkhidmatan e-dompot yang menyertai program berkenaan adalah MAE, Setel, ShopeePay dan Touch 'n Go eWallet.

Selain RM100 dalam bentuk kredit e-tunai daripada kerajaan, penyedia perkhidmatan e-dompot berkaitan akan memberi insentif tambahan dalam bentuk baucar,

pulangan tunai, diskaun atau mata ganjaran sepanjang tempoh program berkenaan.

Bagi yang bertanya, kredit RM100 eMadani ini boleh digunakan di mana? Antara senarainya adalah Aeon, Econsave, Eco, Seven Eleven, 99 Speedmart, Puma, Samsung, Anakku dan banyak lagi. **WK**



Penjualan minuman keras masih tertakluk garis panduan

KECOH baru-baru ini dalam laman sosial mengatakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menarik balik larangan penjualan minuman keras di kedai runcit, serbaneka dan ubat Cina di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Pelbagai maklum balas diterima di mana rata-ratanya mengesahkan kerajaan yang dikatakan tidak peka dengan situasi tersebut dan sewenang-wenangnya membuat keputusan.

Tunggu dulu, jangan terlalu cepat menuduh tanpa usul periksa dan memahami situasi tersebut dengan sebaik-baiknya. Faktanya, DBKL tidak pernah menarik balik pembekuan penjualan minuman keras di kedai runcit, serbaneka dan ubat Cina sebaliknya larangan tersebut kekal dikuatkuasakan.

DBKL dalam satu kenyataan dikeluarkan berkata tiada pemansuhan kepada pembekuan pengeluaran lesen baru bagi penjualan minuman keras di kedai runcit, serbaneka dan kedai ubat Cina.

Ia berdasarkan

garis panduan dan syarat-syarat permohonan lesen minuman keras (*liquor* yang memabukkan) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang sedang berkuat kuasa.

Untuk itu, Lembaga Pelesenan Eksais Kuala Lumpur yang baru dilantik telah menjalankan fungsi sedia ada dan hanya mempertimbangkan permohonan pembaharuan lesen.

"Merujuk kepada pernyataan bahawa Lembaga Pelesenan Eksais yang telah bersidang pada 23 November 2023 telah menarik balik larangan penjualan minuman keras di kedai runcit, serbaneka dan ubat Cina adalah tidak benar.

"Ia adalah kerana pertimbangan terhadap penjualan minuman keras di kedai runcit, serbaneka dan kedai ubat Cina

masih tertakluk kepada garis panduan yang telah ditetapkan," katanya.

Menurut DBKL, pihaknya merupakan urus setia kepada Lembaga Pelesenan Eksais Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam memproses permohonan Lesen Minuman Keras di Kuala Lumpur.

"Ia selaras dengan perwakilan kuasa di bawah Peraturan 18 Peraturan-peraturan Eksais (Lembaga Pelesen) 1977.

"Lembaga yang bersidang pada 23 November lalu, hanya meluluskan sejumlah 1,519 permohonan pembaharuan lesen borong, rumah awam dan runcit. Tiada lesen runcit baru yang diluluskan," kata kenyataan tersebut. **WK**



MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

16/12/23: World Monkey Day @ Children's World, Zoo Negara

16/12/23: Cultural Performance @ KL Tower Amphitheatre

18/12-29/12/23: Year End Sale KL Tower @ Menara Kuala Lumpur

31/10-31/12/23: Pameran Timbang dan Sukat: Kearifan Metrologi @ Jabatan Muzium Malaysia

10-31/12/23: Plant Success Story Across Climates @ Aquaria KLCC

PUTRAJAYA



14-20/12/23: Pameran Orkid Putrajaya 2023 @ Taman Botani

16/12/23: Zumba @ Pentas Utama, Taman Botani Putrajaya

16/12/23: Kejohanan Seni Mempertahankan Diri @ Kompleks Futsal Presint 18

16/12/23: Larian Kayuhan Bebas Palestin @ Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya

18-29/12/23: Program Cuti Sekolah TGB @ Tadika Genius Bestari, Presint 15

23-24/12/23: Bengkel Matematik dan Sejarah SPM 2023 @ Auditorium 1, Kompleks Kejurangan, Presint 16, Putrajaya

28/01/24: MAIWP Run 2024 @ Dataran Putrajaya

LABUAN



16/12/23: Program Galak Guna Perpustakaan @ Menara Perbadanan Labuan

16/12/23: Pertandingan Jejak Maklumat @ Perpustakaan Awam Labuan

15-17/12/23: BMAEX @ Palm Beach Resort & Spa, Labuan

Sokong mutu pendidikan

Tuisyen Confirm AI percuma buat pelajar



AZIZAH menyerahkan replika kad ID kepada Pengetua Sekolah Menengah Teknik KL, Ahmad Nzryshah Mohamed Khalid.

HAZIRAH HALIM

LEBIH 1,000 pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di 14 buah sekolah menengah di sekitar Parlimen Bandar Tun Razak bakal menerima perkhidmatan tuisyen secara dalam talian Confirm AI secara percuma selama setahun.

Inisiatif tersebut dibiayai sepenuhnya oleh Yayasan Gerbang Bandar Tun Razak dengan kerjasama Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) menerusi projek tanggungjawab sosial korporat (CSR) Tenaga Nasional Berhad (TNB) dengan dana pembangunan sebanyak RM500,000 yang diperuntukkan TNB.

Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata program ini menyasarkan para pelajar SPM 2023/2024 dari keluarga berpendapatan rendah (B40) untuk meningkatkan pencapaian akademik mereka.

"Inisiatif ini kita laksanakan adalah untuk memberi penekanan dan rangsangan kepada pelajar khususnya daripada golongan B40 di Bandar Tun Razak kerana kita ingin bantu miskin bandar.

"Kita beri tuisyen ini secara terus jadi kita boleh bantu pelajar ini dalam pelajaran selain menyokong

mutu pendidikan," katanya kepada media selepas merasmikan Majlis Pelancaran Tuisyen Dalam Talian Confirm AI di Sekolah Menengah Teknik Kuala Lumpur pada Isnin.

Beliau berharap menerusi aplikasi AI ia mampu memberikan pembelajaran yang lebih berkualiti di samping pelajar boleh melakukan latihan tubi bagi meningkatkan pemahaman dalam setiap mata pelajaran yang disediakan.

Sementara itu, Ketua Pegawai Operasi Canselor UNITEN, **Profesor Ts Dr Mohd Ezanee Rusli** berkata setakat ini kira-kira 50,000 pelajar telah memanfaatkan tuisyen secara dalam talian Confirm AI ini sejak ia mula diperkenalkan pada tahun 2011.

"Kebanyakan sekolah yang terlibat adalah di luar bandar di mana perkhidmatan ini diberikan secara percuma kepada yang memerlukan tanpa mengira latar belakang.

"Tuisyen percuma ini memberi fokus kepada enam mata pelajaran teras SPM iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Sejarah dan Prinsip Perakaunan.

"Dari segi soalan, kita sediakan mengikut silibus terkini, bila pertukaran silibus kita tukar balik soalan lama dan gantikan dengan

soalan baharu yang pastinya tidaklah begitu sukar dan boleh difahami," katanya tuisyen ini dijalankan selama dua minggu dan disesuaikan dengan tahap kebolehan individu.

Tambahnya menerusi tuisyen ini, pihaknya juga telah menyediakan skema jawapan bagi menggalakkan dan memudahkan pelajar melengkapkan setiap soalan yang diberikan.

"Fokus utama kita pada kali ini adalah untuk membantu pelajar meningkatkan mutu akademik mereka terutama bagi mata pelajaran Matematik yang mencatatkan purata lulus yang rendah.

"Sebelum ini, kita buat di Sungai Ramal, Bangi, berdasarkan keputusan yang diperoleh memang berkesan dan sudah ramai pelajar yang berjaya dibantu.

"Justeru itu, diharapkan agar kerjasama yang dijalinakan pada perasmian ini akan diperkembangkan lagi kerana telah terbukti ia berkesan dan amat rugi jika pelajar lain tak dapat gunakan kemudahan ini," katanya.

Terdahulu, turut hadir Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, Datuk Azman Abidin; Timbalan Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Dr Zalina Mohd Tahir dan Pengurus Besar Yayasan Gerbang Bandar Tun Razak, Saifulizan Haron. **WK**



Harga di pasar tani tinggi

SERONOK juga tinggal di kawasan sempadan dua negeri, Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur dan Selangor. Bagi kawan-kawan Kedai Kopi di Gombak, WP, melangkah kaki sahaja sudah memasuki Gombak Setia, Selangor. Begitu sahaja sebaliknya.

Kerana itu bukan asing warga WP makan minum di Selangor, atau membeli barang keperluan. Begitu juga bagi warga Selangor. Boleh dikatakan ini sudah menjadi rutin harian dalam kalangan warga kedua-dua negeri.

Oleh kerana sudah terlalu biasa, tidak terasa masing-masing dari negeri berlainan dan merentas sempadan. Antara yang menjadi tumpuan warga Gombak Setia dan Gombak WP setiap minggu ialah pasar tani hujung minggu.

Setiap hari Sabtu pagi, pasar tersebut diadakan di Gombak Setia. Pada Ahad pula pasar tani di Taman Danau Kota, Setapak. Orang ramai membeli barang keperluan segar seperti ikan, ayam, sayur, buah, kuih-muih dan lain-lain.

Kawan-kawan Kedai Kopi sering berkunjung ke dua-dua pasar tani di Gombak Setia dan Danau Kota. Namun menurut pengamatan dan maklum balas pengunjung, secara

keseluruhannya harga ikan atau barangan agak mahal. Misalnya harga ubi kentang, cili, bawang, ikan masin dan sebagainya.

Ini setelah membuat perbandingan dengan kedai biasa yang menjual barang keperluan sama. Jurang perbezaan harga agak tinggi. Misalnya ikan bawal di kedai biasa boleh didapati tidak sampai RM30 sekilogram. Namun di pasar tani melebihi RM30.

Begitu juga dengan bawang atau ubi kentang. Di kedai biasa boleh didapati pada harga tidak sampai RM3 sekilo. Namun di pasar tani lebih RM4 hingga mencecah RM5. Lain gerai lain harganya. Ikut budi bicara peniaga agaknya!

Sepanjang yang kawan-kawan Kedai Kopi ingat, matlamat mewujudkan pasar tani adalah menjual barangan dengan harga patut, terutama untuk mereka yang berpendapatan sederhana dan rendah. Sewajarnya matlamat ini terus dipelihara.

Diharap pihak berkuasa sekali-sekala memantau dan membuat pemeriksaan untuk memastikan harga jualan dalam lingkungan munasabah dan lebih ramai mampu membeli. Biar harga rendah dan untung tidak terlalu banyak tetapi ramai membeli. Kongsilah rezeki bersama.

Hrithik tak jadi datang!

ALAHAI... Tidak jadi datang pula pelakon sensasi Bollywood, Hrithik Roshan ke Kuala Lumpur. Pelakon berusia 49 tahun itu membatalkan kunjungan berikutan pembatalan konsert 'The Stars On Fire Kuala Lumpur Live In Concert'. Dia sepatutnya muncul sebagai bintang utama.

Kawan-kawan Kedai Kopi rasa tentu peminat Hrithik kecewa. Mungkin ramai yang telah membeli tiket konsert tersebut yang dijadual akan diadakan 1 Disember lalu di Stadium Nasional Bukit Jalil.

Tiket mula dijual pada bulan Oktober. Namun pada 27 November, Kumpulan Yes Boss Group, salah satu daripada tiga syarikat penganjur, mengumumkan konsert tersebut ditangguh kerana sebab yang tidak dapat dielakkan. Tidak dinyatakan secara spesifik sebab berkenaan.

Dua lagi penganjur bersama konsert berkenaan ialah Dembi Productions dan Heart-Art Production. Konsert tersebut dijadual turut menampilkan

aktres Malaika Arora, Vaani Kapoor, Sanya Malhotra serta penari Prabhu Deva.

Di sebalik kenyataan penganjur konsert ditangguh, Hrithik memaklum dan mengesahkan konsert tersebut dibatalkan terus. Makluman ini dicatatkan dalam Instagramnya pada 30 November ditujukan kepada peminat di Malaysia.

Menurutnya, walaupun dia sendiri begitu teruja untuk datang lagi ke negara ini selepas kali terakhir lapan tahun lalu, hajat tidak kesampaian. Namun dia berterima kasih kepada penganjur kerana usaha untuk mengadakan konsert berkenaan.

Pihak penganjur pula memberitahu, pembatalan itu adalah dengan persetujuan bersama di antara mereka. Pihak mereka juga akan membayar balik harga tiket yang telah dibeli oleh peminat. Cuma peminat mungkin tertanya-tanya sebab sebenar pembatalan.

Apa pun kawan-kawan Kedai Kopi berharap peminat tidak terlalu sedih Hrithik tidak jadi datang ke ibu kota.

Menyeleweng kutipan derma

TANGAN yang memberi lebih baik daripada tangan yang menerima'.

Begitulah ungkapan yang sering Adi dengar dan percaya semua biasa mendengar. Malah dalam agama Islam pun ditekankan menghulur bantuan kepada yang memerlukan sangat digalakkan.

Mungkin kerana itu rakyat Malaysia secara keseluruhannya begitu ringan tangan menghulur sumbangan jika diperlukan lantaran musibah menimpa, termasuk di luar negara. Mereka juga rajin memberi sedekah kepada para pengemis atas rasa simpati.

Bagi Adi, sikap baik hati rakyat negara ini sangat disanjung kerana ia mempamerkan sikap prihatin terhadap kesusahan orang lain. Tidak dapat membantu cara lain sekurang-kurangnya dengan memberi sumbangan kepada yang memerlukan sudah dikira mencukupi.

Isu semasa yang masih panas dan terus bergolak ialah rakyat Palestin yang hidup menderita lantaran serangan rejim zionis Israel di Semenanjung Gaza. Ribuan nyawa, termasuk kanak-kanak, melayang. Rumah kediaman menyembah bumi menjadi debu sementara infrastruktur musnah. Bahan makanan dan pakaian sukar diperoleh.

Seperti kata peribahasa 'berat mata memandang, berat lagi bahu memikul'. Begitulah keadaan rakyat di bumi Palestin. Berapa tebalnya rasa simpati kita yang hidup di negara aman sejahtera ini terhadap rakyat negara tersebut, tidak akan sama dengan mereka yang merasai sendiri penderitaan.

Namun sebagai negara yang menyokong kuat Palestin sejak dahulu dan akan terus berpegang kepada pendirian itu, Malaysia dan rakyatnya tidak berdiam diri atau sekadar memerhatikan rakyat Palestin dibunuh atau cedera serta rumah dan kampung



PIHAK berkuasa perlu memantau kegiatan menderma untuk mengekang kegiatan pengutip sumbangan palsu. - Gambar hiasan

halaman musnah.

Yang terbaik mampu dilakukan ialah menghulur sumbangan bagi meringankan beban penderitaan, selain iringan doa yang tidak putus-putus. Bukan sahaja doa bersendirian tetapi tangan beramai-ramai ditadah di masjid dan surau mengaminkan doa yang dibaca.

Seiring usaha memberi bantuan ini, muncul banyak pihak yang giat mengutip derma untuk Palestin. Ada yang dilakukan oleh pertubuhan berdaftar, ada juga oleh badan bukan kerajaan (NGO), malah orang perseorangan.

Adi tidak mempertikai, malah menyambut baik semua usaha yang dilakukan. Rakyat Malaysia pula bangkit menyahut seruan memberi sumbangan. Harapan mereka biarlah sumbangan

itu betul-betul sampai kepada sasaran. Biarlah bantuan mampu meringankan penderitaan ditanggung.

Namun yang mengguris hati Adi dan tentunya ramai yang lain ialah apabila ada yang dilihat tidak ikhlas mengumpul sumbangan. Kutipan didakwa tidak disalurkan kepada pihak yang sepatutnya menerima atau hanya sebahagian diberi.

Sebaiknya sumbangan digunakan untuk tujuan lain yang tidak ada kena-mengena dengan matlamat kutipan sumbangan. Menurut laporan, pihak berkuasa sedang menyiasat kegiatan pertubuhan yang terlibat dengan penyelewengan seperti ini.

Biarlah kita serahkan kepada pihak berkuasa mencari kebenaran dan bertindak jika ada bukti. Sehingga itu tidak wajar untuk membuat andaian dan kesimpulan sendiri. Biar proses siasatan dan keadilan berjalan sehingga tuntas.

Yang pasti kita tidak mahu usaha murni mengutip sumbangan tercalar kerana perbuatan tidak bertanggungjawab pihak yang diberi amanah. Ini juga boleh merosakkan nama baik Malaysia dan rakyatnya yang permurah.

Adi juga ingin menyentuh mengenai kutipan yang dikatakan derma untuk Palestin, dilakukan oleh orang perseorangan. Sama ada ia operasi solo atau ada kumpulan di sebaliknya memang sukar diketahui.

Sebagai contoh, daripada pemerhatian Adi, terdapat ramai individu yang dilihat mengutip derma di tempat tumpuan ramai.

Misalnya di pasar pagi, pasar raya, pejabat pos, bank dan lain-lain.

Mereka bertapak di lokasi-lokasi berkenaan kerana menyedari ia kawasan lalu-lalang ramai dan peluang memperoleh derma lebih baik. Mereka lengkap memakai selimpang Palestin di bahu. Ada yang membawa bendera kecil. Tidak ketinggalan ialah tabung duit yang dibawa bersama untuk orang ramai menderma. Pada tong biasanya ada tulisan 'Derma Palestin'.

Siapa sebenarnya setiap individu ini? Dari mana pula datangnya sejak awal pagi sudah berada di lokasi? Seperti Adi sebut, adakah individu tersebut beroperasi secara berseorangan, atau ada sindiket yang menjalankan aktiviti ini dengan meletakkan orang di merata tempat?

Adi pernah mengekori peminta sedekah yang datang dari rumah ke rumah, bukan sahaja dewasa tetapi pengemis kanak-kanak. Habis pusingan mereka ini berkumpul ke suatu tempat tertentu. Barangkali di tempat itulah dikira jumlah kutipan dan diambil oleh 'bos besar'. Selepas itu sambung buat kerja.

Mungkinkah begini juga operasi pengutip derma individu untuk Palestin? Orang ramai yang hanya mahu menderma tidak ambil kisah atau bertanya siapa individu berkenaan dan ke mana atau bagaimana wang akan disalurkan kepada pihak yang menerima.

Memang sangat merisaukan cara operasi mereka. Bagaimanakah mereka

menyalurkan derma, jika mereka benar melakukannya, sedangkan ada kaedah dan peraturan yang perlu dipatuhi dalam proses pemberian dana antara satu negara dengan negara lain? Siapakah yang mengaudit jumlah kutipan diterima?

Kerana itu maafkan Adi jika menaruh rasa sangsi terhadap kutipan yang dilakukan secara ini. Jika benar-benar disalurkan kepada rakyat Palestin tidak mengapa. Yang Adi bimbang ia hanya penyelewengan untuk memenuhi poket sendiri. Nama Palestin dan rakyatnya hanya diguna demi mencapai tujuan.

Perbuatan ini ibarat 'menangguk di air keruh'. Ketika rakyat Palestin dibuai penderitaan, ada pihak yang mengambil kesempatan. Kepada yang benar-benar ikhlas menyampaikan sumbangan yang dikutip, syabas dan tahniah. Besar ganjarannya menolong orang dalam kesusahan.

Apa pun Adi berharap pihak berkuasa akan memantau kegiatan individu yang membuat kutipan di tempat-tempat seperti yang Adi sebut atau di mana-mana lokasi mereka berada. Ini sangat penting untuk mengekang kegiatan pengutip sumbangan palsu. Mereka yang melakukan perbuatan tidak bermoral ini perlu dibanteras.

Kita tidak harus menyalahkan rakyat Malaysia yang suka menderma. Manalah mereka hendak menyiasat perihal pengutip sebelum memasukkan duit ke dalam tabung. Apatah lagi jika dikatakan derma untuk Palestin, mereka memberi tanpa berkira demi membantu sesama Islam.

Memang rakyat Malaysia pemurah. Barangkali mungkin kerana itu pengemis warga asing pun ramai datang ke negara ini. Adi pernah membaca laporan bagaimana pengemis dikatakan dari salah sebuah negara Arab, hidup mewah hasil mengemis. Siang mengemis, malam boleh bersantai dan menginap hotel mahal di ibu kota.

Cukup masa, duit sudah banyak, kembali ke negara asal untuk berehat. Selepas beberapa ketika kembali semula menyambung aktiviti, malah membawa bersamanya keluarga atau rakan untuk sama-sama mengemis.


Harapan Adi biarlah kita benar-benar jujur dalam apa yang dilakukan, seperti kes derma untuk Palestin atau apa juga derma lain. Pastikan yang berhak menerima, jangan diseleweng. Hentikan perbuatan menangguk di air keruh.

Adi—Doa agar hati tidak keruh

Adi Trah

RAGAM KOTA

F#minor



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**

Tel: 03-8861 5260 E-mel: editorwilayahku@gmail.com

Lambakan pempengaruh toksik



KU SEMAN KU HUSSAIN
Wartawan Bebas

SEKARANG ini serba-serbi hendak dijadikan kandungan (*content*) media sosial. Tidak kira perkara itu boleh mendatangkan keburukan kepada diri sendiri atau orang lain, semuanya hendak dipapar kepada umum. Seolah-olah semua perkara boleh dijadikan bahan untuk tontonan umum di media sosial.

Hingga ada yang sanggup memaparkan diri sendiri dengan aksi atau keadaan yang sangat tidak senonoh. Semua itu dilakukan tanpa rasa bersalah sekalipun melanggar batas agama dan adab susila.

Rasa aib itu semakin tidak ada kepada penggiat media sosial. Sebaliknya tidak endah dengan hal-hal yang tidak senonoh kerana terperangkap dengan normalisasi kehidupan moden. Suatu yang dulunya difikir seratus kali, kini boleh dilakukan dengan tanpa rasa bersalah.

Itulah akibatnya apabila banyak sangat yang perasan hendak menjadi pempengaruh (*influencer*) – kerjaya yang terkenal dengan gaya hidup mewah dan *glamour*. Tetapi mereka tidak tahu bahawa pempengaruh ada dua jenis – berkualiti tinggi dan rendah.

Bagaimanapun yang berlambak adalah jenis berkualiti rendah dan menjadi toksik kepada masyarakat. Memang benar mereka mempunyai pengikut berjuta orang. Bagaimanapun sebahagian pengikut itu tidak ubah seperti lalat.

Pempengaruh yang berkualiti mempunyai pengikut yang meminum sifat lebah – ada apresiasi yang tinggi terhadap kualiti. Sekalipun tidak sebanyak lalat akan tetapi lebah memberi khidmat menghasilkan madu yang baik untuk manusia.

Istilah pempengaruh muncul pada era kemuncak media sosial. Sebelum itu tidak ada istilah pempengaruh. Diangkat daripada istilah ‘pengaruh’ yang merujuk kepada individu yang mempunyai banyak pengikut di media sosial.

Walaupun begitu pempengaruh hanya mampu mempengaruhi khalayak yang sama tahap pemikiran dengannya. Kalau kandungan berkualiti rendah, hanya khalayak yang setaraf itu sahaja menjadi pengikutnya.

Begitu juga dengan



PEMPENGARUH yang berkualiti tinggi mesti bersandarkan ilmu dan memberi manfaat kepada pengikutnya.

pempengaruh yang ada suntikan nilai tinggi dan pemikiran. Golongan dapat mempengaruhi khalayak yang bernilai tinggi daripada sudut pemikiran, status sosial dan kuasa membelinya.

Oleh kerana itu jumlah pengikut bukanlah tanda aras sebenar seseorang pempengaruh. Yang perlu dilihat adalah jenis pengikutnya. Kalau kualitinya rendah, maka khalayaknya hanya berlegar dalam kelompok yang sama. Misalnya suka dengan kandungan yang merapu, rendah moral dan penuh toksik.

Di situlah kebenarannya kata orang bijaksana, perbezaan antara lalat dan lebah adalah selonggok sampah dan sejambak bunga. Lalat menggemari sampah dan lebah memilih bunga.

Pada era digital ini sudah wujud sebahagian remaja yang enggan melanjutkan pelajaran kerana terasuk kilauan kemewahan pempengaruh. Perkara yang berkaitan kemewahan dan *glamour* sememangnya sangat pantas mempengaruhi remaja yang mentah.

Sebahagian besar daripada remaja itu pula ‘lurus bendul.’ Mereka ‘buta’ tentang kuasa manipulasi oleh media. Mereka fikir semua yang terpapar di media sosial adalah kebenaran – pempengaruh yang memperagakan kemewahan.

Ketika ini dianggarkan tidak kurang 12,000 pempengaruh di negara ini. Kerjaya itu lahir daripada kadar penembusan Internet di negara ini. Statistik menunjukkan kita mempunyai lebih 30 juta pengguna Internet atau 89.6 peratus daripada populasi.

Daripada penembusan Internet yang tinggi itu menyumbang pula pada peningkatan pengaruh media sosial. *Facebook* misalnya digunakan oleh 21.70 juta pengguna atau 65 peratus daripada populasi. *YouTube* (23.80 juta pengguna) dan *TikTok* (14.59 juta pengguna).

Statistik di atas adalah pemangkin pada kelahiran pempengaruh. Satu kerjaya yang penuh dengan kilauan kemewahan. Hal itulah yang membuatkan sesetengah dalam kalangan remaja terpukau dan mula membina impian untuk menjadi seperti individu berkenaan.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Pusat Penyelidikan Undian Universiti UCSI tidak lama dulu, 34 peratus daripada responden yang terdiri daripada remaja bercita-cita menjadi pempengaruh. Disebabkan itu, mereka tidak berminat melanjutkan pelajaran ke peringkat tertinggi.

Barangkali remaja berkenaan mencongak sekiranya belajar

hingga ke peringkat PhD sekalipun, belum tentu berpeluang menikmati kehidupan mewah seperti pempengaruh. Malangnya mereka hanya terpesona melulu dan menutup adanya kemungkinan lain yang lebih baik untuk jangka masa yang panjang.

Sememangnya tidak dinafikan kita mempunyai pempengaruh yang berkualiti. Mereka mempunyai pemikiran yang jauh ke depan dan menghasilkan kandungan yang memberikan dorongan hidup kepada khalayaknya.

Untuk berjaya dalam bidang ini dan yang lain juga tetap memerlukan ilmu, pengalaman dan kemahiran sebagai sandaran. Tanpa semua perkara itu, kalau mencatat rating tinggi sekalipun, setakat untuk kaut keuntungan sahaja, tidak lebih daripada itu.

Kalau hanya menaruh impian menjadi pempengaruh tetapi tidak ada rangsangan untuk mencari dan menambah pengalaman dan pemikiran, kalau jadi pun hanya yang bertaraf cap ayam sahaja.

Ilmulah yang membezakan antara seorang pempengaruh dengan yang lain. Berbeza antara yang hanya memburu rating dengan kandungan yang kosong dan yang memberikan manfaat kepada khalayak.

Untuk itu ilmu, pengalaman dan pemikiran adalah sandaran

utama selain peka dengan tata susila dan norma sosial. Malah sedar akan kewujudan garis-garis tertentu yang tidak boleh dilanggar di atas apa alasan sekalipun.

Hingga sudah ada dengan sewenang-wenang melanggar garis agama, bongkak dan menghina yang berpegang teguh pada agama. Kegilaan pempengaruh seperti ini memang luar biasa.

Bayangkan, ada pempengaruh yang mempersenda golongan yang patuh pada agama tetapi tidak menjalani kehidupan mewah sepertinya. Hasutan itu memang sudah melampaui batas, sudah dia terbasas dan mengajak orang lain menjadi sepertinya.

Hakikatnya untuk menjadi sesuatu yang berkualiti tinggi mesti bersandarkan ilmu. Kemudian secara berilmu juga menggunakan pengalaman yang dikutip daripada penglibatan dalam sesuatu bidang. Apabila ilmu dan pengalaman bergabung, barulah ada potensi untuk memberikan sesuatu hasil yang berkualiti.

Kesimpulannya, kita tidak mahu lambakan pempengaruh cap ayam yang membawa toksik dalam ahli masyarakat yang sememangnya tidak begitu sihat. Dalam masyarakat yang berkualiti, sepatutnya pempengaruh seperti itu tidak mendapat pengaruh.

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM

WILAYAHKU

UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Pesta buku dan citra negatif



ZULKIFLI SULONG

SELEPAS 10 hari, Pesta Buku Antarabangsa Selangor melabuhkan tirainya Ahad lepas. Sebagaimana Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur, pesta buku ini penuh dengan orang Melayu walaupun namanya antarabangsa.

Ketika penulis tiba, seorang penulis buku berbahasa Inggeris sedang membedah bukunya. Walaupun pesta ini penuh dengan buku berbahasa Malaysia, nampaknya pihak penganjur cuba untuk memasukkan unsur antarabangsa iaitu bahasa Inggeris dalam pesta buku ini.

Penulis berjumpa dengan dua kenalan dalam pesta buku ini. Satu bekas Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik yang berada di reruai pameran bukunya dan seorang lagi adalah penerbit buku Tafsir Tok Guru yang memaparkan karya-karya buku oleh Tuan Guru Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, tokoh besar yang telah meninggalkan kita.

Berbual dengan dua kenalan ini, penulis merasakan citra negatif terhadap kerajaan pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim walaupun kedua-dua kenalan ini adalah penyokong kuat PMX.

"Tadi ada seorang pengunjung datang membelek-belek buku Tok Guru Nik Aziz yang kami hasilkan. Tetapi tiba-tiba dia terpancang buku PMX yang kami turut jual di gerai kami ini."

"Dia terus bertanya, ada juga jual buku ini ye kat sini. Tak jadilah saya nak beli buku Tok Guru," cerita kenalan saya itu tentang citra negatif kerajaan yang ada yang beliau rasai dari pengunjung gerainya.

Kenalan saya itu terus bertanya, "Kenapa ye. Media kita tidak



PESTA Buku Antarabangsa berlangsung meriah di MBSA Convention Centre Shah Alam Selangor baru-baru ini. Foto: Syarikat Muda Osman Sdn Bhd

berkesan ke sehingga ramai orang Melayu yang bersikap macam ini. Padahal saya nampak, PMX sangat bagus."

Perbualan yang tamat dengan persoalan tentang media di gerai buku Tafsir Tok Guru bersambung apabila saya berjumpa dengan Dr Maszlee Malik.

Dr Maszlee mengajak saya sembang panjang di pejabat beliau yang terletak di belakang kampus Universiti Malaysia.

"Datanglah Sheikh, kita sembang panjang. Banyak perkara nak bincang ni," kata Dr Maszlee apabila saya bertanya khabar beliau selepas tidak lagi menjadi menteri.

Menurut Dr Maszlee, beliau juga agak sukar sekarang dalam menjalankan tugas sebagai Pengerusi International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia.

"Sukar juga. Kami laksanakan apa yang Wisma Putra tak nak buat," kata Dr Maszlee kepada penulis menceritakan tentang tugas beliau

di IAIS.

Apabila ditanya, apakah beliau dibekalkan dengan dana yang cukup untuk melaksanakan kerjanya, Dr Maszlee mengembangkan tangannya tanda kesukaran yang dihadapi tentang dana.

Nasib yang dialami Dr Maszlee hampir sama dengan nasib penggerak media penyokong kerajaan. Kami hadapi masalah dana untuk menjalankan tugas dengan baik.

Selepas setahun Kerajaan Perpaduan dibentuk, PMX nampaknya sangat berhati-hati dengan dana. Beliau tidak mahu mengulangi sikap kerajaan sebelum ini yang berbelanja ratusan juta setahun untuk media.

Di dalam Parlimen, PMX telah menegaskan beliau hanya akan memperuntukkan tidak sampai 100 juta untuk media dalam belanjawan kerajaan untuk tahun 2024 ini.

Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan jelas akan memberikan tumpuan kepada ekonomi rakyat

dalam tempoh tahun kedua pentadbiran beliau.

Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil turut merasai tumpuan PMX.

"Saya yakin, rakyat akan mulai merasai kesan pemulihan dan kemajuan ekonomi yang kita bina mulai tahun depan ini," kata Fahmi kepada penulis dalam satu pertemuan dengan beliau baru-baru ini.

Selain Fahmi, Inisiatif Ekonomi Madani yang dilaksanakan PMX mendapat markah A hasil kaji selidik dibuat sekumpulan penyelidik Universiti Utara Malaysia (UUM) serta dua badan bukan kerajaan (NGO) baru-baru ini, lapor *Berita Harian*.

Kaji selidik selama 34 hari dari 1 November ke 4 Disember 2023 itu yang bertajuk 'Inisiatif Madani: Penerimaan Rakyat' menunjukkan semua soalan yang ditanyakan mendapat lebih 50 peratus tanda sokongan dengan tindakan diambil kerajaan.

Tujuan kaji selidik ini dijalankan adalah bagi membolehkan satu rumusan objektif dibuat mengenai tahap penerimaan rakyat ke atas berbagai-bagai Inisiatif Ekonomi Madani yang telah diumumkan oleh Anwar dan Kerajaan Perpaduan sejak beliau mula menjadi Perdana Menteri pada 24 November 2022 dan Menteri Kewangan pada 3 Disember 2022.

Seramai 4,606 responden dipilih dengan menggunakan teknik persampelan rawak berstrata daripada sejumlah 21,473,409 pengundi berdaftar yang diwartakan pada 3 Oktober 2023 merangkumi semua kaum, jantina dan peringkat umur di kesemua 222 Parlimen di 13 negeri dan tiga Wilayah Persekutuan.

Mereka telah dihubungi secara dalam talian menggunakan aplikasi WhatsApp dan Telegram serta melalui panggilan telefon atau ditemu bual secara tatap muka.

Responden telah ditanya mengenai tahap penerimaan mereka ke atas 30 Inisiatif Ekonomi Madani yang telah diumumkan Perdana Menteri.

Hasil maklum balas yang diberikan oleh responden menunjukkan Inisiatif Ekonomi Madani ini mendapat markah A, iaitu sebanyak 82 peratus (2457/3000), lapor media itu lagi.

Kita berharap, kemajuan ekonomi ini dirasakan dengan jelas oleh rakyat. Ini kerana, jika mereka tidak dapat merasainya dengan jelas, tanpa peranan media yang berkesan, usaha bersungguh-sungguh PMX dan kerajaannya ini tidak akan meresap ke hati rakyat.

Kita berdoa agar ia tidak berlaku walaupun pihak pembangkang berusaha siang dan malam untuk menutup citra positif yang cuba dibawa oleh kerajaan ini.

Penulis adalah penggiat media yang berusaha untuk menyampaikan citra positif Kerajaan Perpaduan.

WK

PENGIKLANAN AKHBAR

MUKA PENUH 26 cm X 32 cm RM7,500	SEPARUH MUKA 26 cm X 16 cm RM5,500
SUKU MUKA 13 cm X 16 cm RM4,500	PANEL BAWAH 26 cm X 6 cm RM4,500

PENGIKLANAN DIGITAL

BANNER ATAS RM3,000
BANNER TENGAH RM2,500
BANNER TEPI RM2,500

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

WILAYAHKU
MEDIA WARGA KOTA

50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU
diedarkan secara **PERCUMA** setiap minggu
di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT,
hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh
Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan
sila hubungi:

03-8861 5260

Alamat:

YWP MEDIA SDN BHD (1304797-X)

Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

WK2

Bil 241, 15-21 DISEMBER 2023

MEDIA WARGA KOTA
WILAYAHKU

Wira tak didendang

▶▶ 10 - 11



KRU-KRU penggambaran merupakan tulang belakang bagi sesebuah produksi.

Kru tulang belakang produksi

Foto: AMIN FARU HASAN
Video: HASIF HALIMI
DIANA AMIR

TIDAK dinafikan kita mempunyai kru-kru di sebalik tabir yang hebat dan boleh dikatakan setanding dengan produksi luar negara namun atas beberapa faktor membuatkan kurangnya filem kita menembusi pasaran antarabangsa," ujar Pengarah Fotografi (DOP), **Mohd Helmi Mohd Yusof**, 45.

Berpengalaman lebih 20 tahun dalam industri perfileman, naskhah yang bermutu amat diperlukan dalam memastikan filem yang dihasilkan dapat pergi jauh dan mencipta fenomena tersendiri. "Sebenarnya banyak sahaja filem Malaysia yang menembusi pasaran luar tetapi mungkin kurang dari segi pendedahan atau liputan merupakan salah satu sebab ia tidak menyerlah," kongsinya kepada *Wilayahku*.

Terkini dia bekerjasama dengan pengarah filem, Datuk Afdlin Shauki dalam menjayakan naskhah *Harimau Malaya: The Untold Journey* untuk menterjemahkan perjalanan pasukan bola sepak negara.

"Saya bangga dengan kejayaan pasukan bola sepak negara yang berjaya melayakkan diri secara merit ke pentas Piala Asia 2023 sekali gus

menamatkan badi selepas 42 tahun.

"Setelah bertahun lama, akhirnya kita berjaya mencipta sejarah di bawah kendalian jurulatih baharu dan prestasi Harimau Malaya juga menunjukkan peningkatan daripada sebelumnya di mana ia merupakan satu perkara positif buat perkembangan bola sepak kita.

"Sebahagian besar pasukan yang layak ke Piala Asia juga bermain untuk Piala Dunia dan Malaysia merupakan antara pasukan yang turut bertanding jadi saya boleh katakan ia satu kebanggaan terbesar buat kita. Disebabkan itu juga saya mahu menjadi sebahagian daripada tim produksi yang menggarap sejarah tersebut ke layar perak," ujarnya.

Mengulas lanjut, Helmi berkata tim yang terlibat mencuba sedaya upaya dengan meluahkan segala kreativiti untuk filem tersebut dan berharap ia menjadi sebuah naskhah yang baik dan bermakna terutama buat peminat bola sepak.

"Diadaptasi daripada kisah sebenar, cabaran utama sebagai DOP adalah untuk merakam semula babak-babak gol, penalti, *tackle* dan pemain yang mengalami kecederaan. Setiap babak dan aksi tersebut perlu sama seperti permainan sebenar bagi memberi gambaran serta perasaan yang sama kepada peminat.

"Cabaran sepanjang penggambaran adalah sesuatu yang

normal namun apabila ia dilakukan dengan pasukan serta produser yang baik pastinya setiap halangan itu dapat diatasi tambahan pula Afdlin merupakan individu yang kreatif jadi dia sudah mempunyai gambaran mengenai *shot* yang diinginkan.

"Bola ini bukan hanya pemain semata-mata tetapi ada elemen kemanusiaan di dalam itu kerana semua pihak baik pengurusan keluarga mahupun penyokong memainkan peranan dalam menentukan hala tuju bola sepak negara. Jadi, kita cuba tunjukkan realiti sebenar pemain di dalam padang mahupun luar," jelasnya.

Berbesar hati dan teruja apabila diberi peluang untuk melibatkan diri di dalam projek tersebut, dia mengakui tidak kekok sama sekali untuk bekerja rapat dengan Afdlin memandangkan mereka telah bekerjasama sejak tahun 2000.

"Kami rapat dan saya juga merupakan DOP yang terlibat dalam kebanyakan filem beliau. Jadi, agak mustahil untuk menolak apabila Afdlin menyatakan hasrat bahawa dia mahu membuat filem lebih-lebih lagi ia adalah naskhah yang hebat.

"Selain itu, kami juga serasi sehinggakan beliau tak perlu bercakap pun apa yang dia mahukan kerana saya faham apa yang diinginkan. Di situ kerja jadi lebih mudah," kongsinya lagi. **WK**

Peluang dalami ilmu perfileman

BERKECIMPUNG dalam dunia lakonan sejak 25 tahun lalu, pelakon dan pengarah, **Liyana Jasmay**, 35, menggunakan sepenuhnya pengalaman membantu pelakon Harimau Malaya: The Untold Journey menjiwai watak.

Dia yang diberi tanggungjawab sebagai pengarah kedua dalam filem tersebut mengakui ia merupakan peluang yang baik buat dirinya untuk bekerja di dalam sebuah filem besar dan memerlukan penelitian lebih daripada pelbagai aspek.

"Melalui filem ini, saya belajar bagaimana untuk mengarahkan sebuah filem memandangkan ia akan ditayangkan di layar perak pastinya setiap cacat cela akan kelihatan jadi kita perlu pastikan ia hampir sempurna.

"Saya kagum dengan Aidil yang membawa watak sebagai ketua pasukan kerana dia menjiwai 100 peratus watak dan mempersembahkan karakter dengan sebaik mungkin," ujarinya teruja mengikuti proses suntingan sehingga ke peringkat akhir.

Berkongsi secara ringkas perjalanan filem tersebut, Liyana berkata ia menggambarkan perjalanan Harimau Malaya selepas pelantikan jurulatih dari Korea iaitu Kim Pan Gon.

"Antara cabaran untuk filem ini kita nak menunjukkan keadaan pasukan tersebut mengikut garis masa kini, ia bukanlah sejarah atau masa akan datang jadi kita perlu gambarkannya sebaik mungkin.

"Meskipun ia berdasarkan kisah benar namun elemen

fiksyen juga disuntik dalam bagi memberi warna agar penonton tidak cepat bosan. Namun ia perlu seimbang agar penonton setuju bahawa kejadian tersebut sememangnya berlaku dalam kehidupan sebenar.

"Konsep bagi karya ini adalah unik kerana kebiasaannya filem dibuat berdasarkan perkara yang sudah atau akan berlaku bukan baru-baru ini," jelasnya teruja bekerja rapat dengan Datuk Afdlin Shauki dan menyifatkan beliau adalah mentornya.

Bakal ditayangkan pada depan, Liyana berharap rakyat Malaysia tidak ketinggalan menyaksikan filem yang mengangkat peristiwa sejarah negara yang sangat membanggakan.

WK



Solekan perlu nampak realistik

SETIAP bidang tugas pastinya mempunyai cabaran tersendiri termasuklah jurusolek yang terlibat dalam penggambaran sesebuah filem bagi memastikan artis tersebut kelihatan seperti apa yang diinginkan oleh produser.

Memainkan peranan yang cukup penting ketika proses *pre-production* dan produksi, jurusolek bukan hanya perlu mengejar *call time* semata-mata bahkan turut berdepan dengan cabaran termasuklah dalam menyiapkan pelakon yang ramai.

Ketua Jabatan Solek bagi Filem Harimau Malaya: The Untold Journey, **Marlia Leryani Ghazali**, 34, berkata cabaran utama yang dihadapi olehnya bersama pasukan yang kecil adalah untuk memastikan setiap pelakon menyerupai pemain bola sebenar.

"Filem ini mengisahkan individu yang sebenar, jadi dari sekecil-kecil perkara seperti rambut, jambang, warna rambut dan sebagainya perlu dititikberatkan supaya ia kelihatan sama seperti pemain bola sepak negara yang ada sekarang. Selain itu, ia juga perlu selari dengan tahun perlawanan yang dilakonkan semula.

"Penggambaran babak juga kita lompat-lompat jadi ada *scene* yang mereka perlu warnakan rambut ada yang tidak. Untuk itu, kita sebagai jurusolek perlu sentiasa berhati-hati," ujarinya bilik solekan juga dipenuhi dengan gambar-gambar pemain bola sepak sebagai rujukan.

Marlia berkata antara watak yang paling mencabar untuk disiapkan adalah Kim Pan Gon

kerana pelakon yang memegang watak tersebut lebih muda dan perlu disolek untuk kelihatan seperti jurulatih pasukan Harimau Malaya yang sebenar.

"Untuk menyamakan watak tersebut, kita perlu solek dari segi *touring*, *shading* serta *pigmentation* mukanya. Rambutnya juga perlu kelihatan sama dan itu yang diminta oleh pengarah.

"Tim saya ada enam orang dan setiap ahli pasukan bertanggungjawab kepada artis di bawah jagaan mereka. Namun, kali ini kita

mempunyai ramai pelakon baharu memandangkan ia melibatkan dua pasukan bola sepak yang akan berlawan, jadi kami juga perlu mengejar masa agar jadual dapat

ditepati," ujarinya masing-masing mempunyai hasil sentuhan yang hebat.

Marlia berkata untuk kali ini pasukannya perlu lebih menjaga konti rambut setiap pelakon memandangkan tidak ramai pelakon wanita bagi filem ini.

"Kalau pelakon tersebut masuk set selepas seminggu atau dua minggu, kita akan cek rambut sebab biasanya ia akan panjang. Kita akan terus potong di set malah pelakon sendiri juga tidak pergi ke salon rambut kerana mereka takut lari konti.

"Ia sedikit mencabar, walau bagaimanapun pasukan solek dan rambut mencuba sehabis baik untuk memberikan *look* yang diingini," jelasnya yang sudah berpengalaman selama 11 tahun dalam industri mekap. WK



MARLIA



JURUSOLEK juga perlu mengejar *call time* dalam memastikan jadual penggambaran tidak terganggu.





TALI sampan diikat pada tembok yang disediakan setelah balik dari menangkap ikan di laut.



NELAYAN melepaskan lelah seketika setelah seharian berada di laut.

BOT nelayan pulang ke jeti setelah seminggu berada di tengah lautan.

Bertarung nyawa di laut



SHUAIB AYOB

"Ikan sekilo berapa pakcik? Segar-segar ikan. Bagi sekilo."

IKAN yang segar pastinya mudah didapati di pasar pagi, dengan harga yang lebih murah. Namun pahit jerih kehidupan mereka dalam berjuang meneruskan hidup, siapa tahu.

Nelayan merupakan pembekal sumber protein kepada kehidupan kita. Berada di tengah laut seawal pagi ketika yang lainnya diulit mimpi, mereka pulang dengan harapan memperoleh hasil yang banyak setelah seharian berada di laut. Akan tetapi, hasil tangkapan bukan boleh dijangka, adakalanya banyak, andai ada tuah. Adakalanya tidak ada langsung. Namun tetap bersyukur, kerana itu lah rezeki hari tersebut.

Melewati arus kemajuan, hasil nelayan dulu dan kini jauh berbeza terutama apabila banyak kawasan pesisir rancak dibangunkan. Namun bagi nelayan tradisional, punca rezeki itu perlu diteruskan demi mencari sesuap nasi menyara

keluarga.

Prihatin dengan nasib nelayan serta menyedari pentingnya peranan mereka untuk pembangunan ekonomi negara, Kerajaan Madani pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan bantuan elaun sara hidup sehingga RM300 sebulan serta Insentif Hasil Tangkapan Nelayan sehingga RM1,000 sebulan untuk golongan nelayan bagi mengurangkan beban mereka terutama dalam berdepan ketidak tentuan hasil tangkapan laut.

Selain itu, kerajaan turut mengekalkan subsidi diesel kepada harga terendah iaitu RM1.65 seliter kepada nelayan kelas tertentu dengan kuota 840 juta liter setahun serta peruntukan RM10 juta bagi membina baharu dan baik pulih rumah nelayan yang uzur.

Tiada pencen, tiada pendapatan tetap, hanya usaha dan tawakal menjadi bekal. Bantuan itu sedikit sebanyak pastinya membantu golongan nelayan meneruskan kehidupan dalam waktu mencabar ini dan membolehkan mereka menarik nafas lega. **WK**





PENGUNJUNG tidak melepaskan peluang untuk melihat cenderahati yang dijual di dalam Pasar Seni.

1888 masih utuh berdiri



SHUAIB AYOB

PASAR Seni Kuala Lumpur ialah pusat kebudayaan, seni dan kraf Malaysia yang terletak di tengah-tengah bandar. Sebagai sebuah bangunan yang mempunyai nilai sejarah signifikan, Pasar Seni Kuala Lumpur telah berkembang maju dari permulaannya sebagai pasar basah yang dibina pada tahun 1888 menjadi destinasi menarik buat pelancong, pembeli dan pencinta seni.

Terletak berhampiran dengan Sungai Klang yang berhampiran dengan projek ROL di presint 7 dan Blue Pool berdekatan, hari ini, Pasar Seni Kuala Lumpur adalah destinasi mesti dilawati.

Menawarkan pengunjung


peluang membeli-belah yang unik di mana mereka boleh menikmati bukan sahaja pengalaman membeli-belah tetapi juga merasai warisan budaya yang mempunyai visual indah serta menghargai warisan dan seni bina Malaysia dengan sepintas lalu apabila mereka melangkah ke dalamnya.

Di bawah struktur seni dekorasi yang menakjubkan, anda akan temui lebih daripada 300 buah kedai yang menampilkan kraf tangan tempatan, tekstil, cenderamata, barang koleksi dan restoran. Dengan cita rasa Malaysia tersendiri, Pasar Seni Kuala Lumpur menawarkan tempat yang sangat baik untuk mempamerkan budaya dan nilai warisan Malaysia sebenar dan mampu menarik pelancong tempatan dan asing ke pintunya.

Lensa *Wilayahku* merakamkan keindahan unit bangunan yang telah berusia 135 tahun ini. WK



PELBAGAI komik lama dijual di bahagian atas di dalam Pasar Seni.



PELUKIS masyarakat tekun dalam menyiapkan tempahan pelanggan.

Taamim Handmade alatan tradisional



Foto: SYUQREE DAIN

HAZIRAH HALIM

BAGI memastikan seni pembuatan alatan tradisional seperti pisau dan parang diwarisi zaman-berzaman, Taamim Handmade yang diterajui **Nurdin Rostam Kamal**, 25, tampil meneruskan legasi perniagaan keluarganya.

Dalam masa yang sama, anak muda ini berazam untuk merancang dan melatih golongan muda masa kini untuk menjadi pelapis pembuatan barangan tradisional agar ia tidak lapuk dek zaman.

Tampil unik dan berbeza, Nurdin berkata peralatan yang ditawarkan terdiri daripada material yang bermutu tinggi agar bertahan lama dan tidak mudah rosak.

"Ia diperbuat daripada keluli karbon tinggi, K110 dan tahan karat sementara di bahagian pemegangnya menggunakan material gentian kaca serta *candy handle composite* kerana lebih kemas, kalis air dan mudah dijaga.

"Namun, apa yang paling penting, cara penjagaan dan kegunaannya. Kalau buat pisau dengan material mahal sekalipun tetapi tidak dijaga dan tahu kegunaannya, maka ia akan cepat rosak.

"Selepas dipakai pastikan ia dibasuh bersih dan dikeringkan terlebih dahulu sebelum disapu minyak," ujarnya yang menawarkan tiga jenis saiz berbeza iaitu enam inci, lapan inci dan 10 hingga ke 15 inci.

Tambahnya, untuk menjaga kualiti dan kuantiti, setiap rekaan adalah terhad kepada 20 bilangan sahaja. Jadi siapa yang ingin memilikinya perlu berebut jika tidak mereka terpaksa



NURDIN menghasilkan pelbagai jenis rekaan pisau dan parang yang bermutu tinggi.

menunggu tempoh yang lama untuk mendapatkannya semula.

Nurdin berkata, rata-rata pelanggannya dalam kalangan mereka yang suka melakukan aktiviti *survival* selain dibeli untuk kegunaan di dapur atau aktiviti penyembelihan.

"Selain itu, Taamim Handmade turut menjadi pilihan pengumpul koleksi parang dan pisau khususnya dalam kalangan anak muda. Saya pernah menerima pelanggan berumur 15 tahun tetapi mendapat dorongan ibu dan bapa untuk mengumpulnya," katanya kepada *Wilayahku* ketika ditemui pada Program Craft Media Tour ke Negeri Sembilan baru-baru ini.

Berkongsi lanjut, harga yang ditawarkan bermula RM100 dan ke atas di mana kebiasaannya ia akan dihasilkan mengikut tempahan ataupun jika terdapat program-program kraf tangan.

"Misalnya jika terdapat program seperti Ini Jualan Kraf yang diadakan Kraftangan Malaysia, saya akan membuat 40 bilah dalam masa sebulan. Itu merupakan antara cabaran di mana perlu menyiapkan kuantiti yang banyak dalam masa yang singkat," ujarnya. **WK**


**Felda Palong Tiga,
Gemas, Negeri Sembilan**

@TaaMimHandmade

013-307 9521



PISAU diperbuat daripada keluli K110 dan tahan karat.



PROSES rekaan grafik dibuat terlebih dahulu sebelum ia dihasilkan.



Puzzle rumah jadi tarikan

RUMAH tradisional meliputi 14 negeri di Malaysia mempunyai keunikan dan keindahan tersendiri yang melambangkan kehalusan seni bina, sejarah dan identiti pada setiap kumpulan etnik di negara.

Pelbagai peranan dimainkan pihak kerajaan dan agensinya dalam memartabatkan rumah-rumah tradisional di Malaysia antaranya dengan menghasilkan produk kraf tangan berkonsepkan puzzle.

Tampil membawa keunikan dalam produk kraf tempatan, Nurilham Teknik Resources menghasilkan rumah tradisional setiap negeri secara puzzle menggunakan *plywood* dan *laser cut*.

Pegawai pemasarannya,
**Muhammad
Naqib Selamat**
berkata ia

menampilkan 13 buah rumah tradisional di Malaysia mengikut justifikasi pembuatan asal rumah hasil rujukan daripada pihak Kraftangan Malaysia.

"Segalanya bermula apabila pihak kami menerima tempahan khas daripada pihak Kompleks Kraf Melaka untuk menghasilkan produk mini rumah Melaka sebagai cenderahati untuk sebuah majlis.

"Antara puzzle rumah tradisional yang kita ada adalah Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Selangor dan Perlis sementara yang mendapat sambutan dan permintaan tinggi adalah rumah tradisional Johor dan Melaka.

"Ini kerana, kedua-dua rumah dari negeri tersebut mempunyai keunikan dari segi reka bentuk. Misalnya, negeri Johor terkenal dengan rumah limas, kita dapat lihat dari segi rekaan bumbungnya yang berbentuk tirus seperti piramid. Kalau rumah Melaka pula adalah pada bahagian tangga yang menggunakan tangga batu selain enam struktur bangunan yang terdiri daripada enam batang tiang utama," kongsi kepada *Wilayahku*.

Menurut Naqib, pelanggan akan mendapat satu set puzzle yang belum dipasang bersama beberapa peralatan lain seperti pisau, gam dan aksesori tambahan dengan harga RM60.

"Kebiasaannya setiap pelanggan akan mengambil masa selama 30 hingga 45 minit untuk menyiapkan sebuah rumah. Walau bagaimanapun, kita turut menyediakan cara untuk memudahkan pelanggan memasangnya," ujar Muhammad Naqib. **WK**

**Taman Tasik Utama,
Ayer Keroh, Melaka**

@nurilhamteknik

06-233 9619



TUNA spesial dan daging lada hitam antara menu yang menjadi kegemaran pelanggan Golden Stick Cakoi.

2,500 cakoi sehari



Foto: SYUQREE DAIN
Video: HASIF HALIMI

HAZIRAH HALIM

PERNAH tular di laman media sosial sekitar tahun 2016 kerana menampilkan 30 aneka perisa cakoi manisan di jalanan, kini Golden Stick Cakoi yang terkenal di Johor Bahru dibawa ke pasar malam sekitar Kuala Lumpur dengan menampilkan pelbagai menu terbaharu yang berkonsepkan savuri.

Siapa sangka menu savuri yang diperkenalkan baru-baru ini mendapat sambutan luar biasa apabila sehinggakan pembeli sanggup beratur panjang semata-mata ingin mencuba cakoi dengan perasa baharu tersebut.

Pemilikinya, **Mohd Shamsul Ariffin Fadhil**, 37, berkata Golden Stick Cakoi menawarkan cakoi berperisa jumbo sosej, telur mayo, tuna spesial, daging kurma, ayam lada hitam, daging lada hitam dan kambing merah.

"Antara yang menjadi pilihan ramai adalah kambing merah, daging lada hitam dan sosej jumbo. Mungkin tarikannya dari segi rasa kerana mereka dapat rasa daging kambing dan lembu yang lembut, tidak keras dan lebih pedas. Selain menawarkan menu savuri tersebut, kami juga menghadirkan cakoi asli yang

dimakan bersama kaya dan sambal kacang," katanya kepada *Wilayahku*.

Bercerita mengenai idea untuk memberi nafas baharu kepada cakoi, Mohd Shamsul berkata ia tercetus selepas perniagaannya mendapat fenomena dan bermula daripada situ, dia ingin menampilkan kelainan.

"Sekitar tahun 2016, saya menampilkan 30 perisa cakoi manisan di Johor Bahru dan ia mendapat perhatian ramai. Disebabkan itu, saya terfikir untuk meneruskan fenomena tersebut dengan savuri yang bukan sahaja enak tetapi dapat memberi kekenyangan.

"Saya mengolah semula formula membuat adunan doh cakoi agar ia sesuai untuk diletakkan pelbagai perisa di bahagian atas dengan mengurangkan minyak dan memastikan teksturnya tidak lembik.

"Setiap kali menghasilkan menu baharu, saya kena letakkan diri saya sebagai pelanggan atau orang yang hendak makan. Oleh sebab itu, saya tidak mahu cakoi ini terlalu berminyak namun ingin kekalkan rasa kerangupan tersebut," katanya.

Sejak menampilkan menu savuri pada 1 November lepas, dia menerima banyak respons positif daripada pelanggan selain mampu menghabiskan sebanyak 38 kilogram (kg) tepung bersamaan 2,500 cakoi dalam masa satu hari.

"Alhamdulillah respons sangat memberangsangkan. Rata-rata pelanggan yang datang mengakui intinya padat selain cakoi ini tidak lemas dan masih rangup walaupun dimakan lewat.

"Jangan bimbang, istimewanya ia masih sedap dan lembut biarpun masuk hari ketiga. Kalau masuk peti sejuk beku, rasanya masih sama tetapi sebaiknya dipanaskan terlebih dahulu untuk rasa kerangupan dan kuah perapan terutama pada menu kambing dan daging lada hitam," ujarnya.

Bagi sesiapa yang ingin merasai keunikan menu ini boleh mengunjungi Pasar Malam Bandar Baru Ampang, Pasar Malam Ukay Perdana, Pasar Malam LRT Jelatek dan Pasar Malam Taman Melawati, Kuala Lumpur di mana harga yang ditawarkan adalah RM6 (kecuali cakoi kambing merah RM9), cakoi asli (6 keping hingga RM10) sementara pau kacang merah dan pau kacang hijau (RM2). **WK**

@Goldenstickmy

4 petang hingga 10 malam

017-260 7769

Coklat, biscoff tarikan utama

BAGI penduduk sekitar Ampang, pasti tidak asing lagi dengan aneka pencuci mulut Lokadolci yang menawarkan empat jenis perisa utama iaitu *Nutella Pod*, *Brownies*, *Cheese Tart* dan *Burnt Cheese Cake*.

Bermula dengan harga RM1 hingga RM10 (*dessert*) manakala RM21 bagi *Nutella Pod*, menu ini bukan sahaja popular di gerai jualannya yang terletak di *Car Boot Sale*, Pasar Malam Ukay Perdana bahkan turut mendapat perhatian di laman sosial.

Menurut pemiliknya, **Nurain Athilah**, 24, Lokadolci mengetengahkan dua bahan utama iaitu coklat dan *biscoff* serta mempunyai variasi pada setiap makanan tersebut.

"Menu yang sentiasa mendapat permintaan tinggi adalah *nutella pod* dan *cheese tart* kerana kita menggunakan coklat premium dan mempunyai pelbagai *topping* di atasnya.

"Selain itu, ia juga dijual dengan harga RM1 bagi satu biji *original cheese tart* dan *brownies*. Pelanggan juga boleh tambah *topping* jika mahu dengan tambahan harga RM2," katanya yang mengusaha bersama Muhammad Fazmi, 24.

Antara perisa yang diketengahkan adalah *Nutella Pod*, *Dark Crunchy Almond*, *Brownies* (asli dan premium iaitu *Nutella* dan *biscoff*), *Cheese Tart* (*Blueberry*, *Nutella*, *Biscoff*, *Kiwi*, *Strawberi*, *Kinder Bueno* dan *Ovomaltine*) manakala *burnt cheese cake* (*cookies and cream*, *nutella bueno* dan *biscoff with crumbs*).

"Untuk perniagaan secara *Car Boot Sale* ini, saya akan menghasilkan *cheese tart* sebanyak 140 biji manakala *brownies* (72 biji) *Nutella Pod* (20 bekas) dan *burnt cheese cake* 40 biji.

"Sementara bagi tempahan pula, saya akan membalas semua mesej selepas waktu bekerja dan biasanya saya akan meminta pelanggan untuk menempah dua atau tiga hari sebelum supaya saya ada masa untuk siapkan tempahan," katanya yang turut menawarkan menu lain seperti *caramel pudding* dan kek tapak kuda.

Berkongsi berkenaan nama Lokadolci, Nurain berkata Loka membawa maksud dunia atau syurga dalam bahasa Arab sementara Dolci pula bermaksud pencuci mulut dalam bahasa Itali. **WK**

Car Booth Sale, Pasar Malam Ukay Perdana, Ampang

Sabtu atau Ahad (7 pagi hingga 12 tengah hari)

@lokadolci

Diabolo kekal relevan selepas 600 tahun



Foto : SYUQQREE DAIN
Video : HASIF HALIMI

DIANA AMIR

YO-YO Cina atau dikenali sebagai diabolo merupakan salah satu permainan tradisional dari China yang semakin mendapat tempat di hati masyarakat berbilang kaum.

Diperkenalkan sejak zaman Dinasti Min sekitar tahun 1386, permainan tersebut mula berkembang di negara ini pada tahun 1994. Namun, ketika itu ia hanya dikenali di negeri Selangor sahaja.

Seiring masa berlalu, usaha memperkenalkan permainan tradisional ini dilihat semakin berhasil malah banyak pelapis baharu dikenal pasti sekali gus berjaya mengangkat seni dan budaya warisan ini.

Bercerita lanjut tentangnya, Jurulatih Persatuan Diabolo Malaysia, **Sze Kien Chun** berkata kebanyakan sekolah rendah Cina dan Sekolah Menengah Cina Persendirian mempunyai latihan sukan diabolo.

"Ia berkembang pesat ke seluruh negara sejak dibawa masuk 20 tahun lalu. Kalau dahulu di Selangor sahaja, kini boleh dikatakan setiap negeri mempunyai kumpulan kecil yang memainkan permainan ini terutamanya di negeri Pantai Timur seperti Pahang dan Terengganu.

"Terdapat banyak jurulatih yang berada di sana untuk mencari pelapis baharu sukan ini. Ia bukan lagi terhad kepada kaum Cina bahkan semua lapisan masyarakat menunjukkan minat luar biasa terhadap permainan tradisional ini.

"Sebagai contoh, baru-baru ini kita telah mengadakan satu pertandingan diabolo di Sabah di mana pelbagai kaum mengambil bahagian dan paling tidak disangka, pemenangnya adalah seorang kanak-kanak perempuan Melayu berusia 10



PERMAINAN diabolo memerlukan kreativiti pemain bagi menghasilkan persembahan yang menarik.

tahun," kongsinya kepada *Wilayahku*.

Mengulas lanjut, Kien Chun berkata biarpun diabolo sama seperti yo-yo namun cara permainannya adalah berbeza.

"Dua cakera sama saiz yang dihubungkan oleh gandar panjang, satu gerakan seli mengangkat dan menjatuhkan dengan menggunakan dua batang di mana setiap satu

dipegang dalam satu tangan.

"Ia bagi membolehkan diabolo berputar pada tali yang diikat di antara batang kayu. Fungsi stik kayu tersebut ialah sebagai alat untuk menggerakkan tali nilon mengikut cara yang dihendaki," ujarnya.

Pemain perlu mengimbangnya daripada terjatuh dan memutarakan diabolo dengan laju untuk melakukan

pelbagai aksi yang mengagumkan.

"Diabolo yang ringan mudah digunakan tetapi putarannya mungkin hanya seketika dan kerana itu kebanyakan pemain yang handal akan memilih diabolo berat untuk melakukan pelbagai aksi," ujarnya ia mudah dipelajari tetapi mengambil masa yang panjang untuk mahir.

Tambahnya, sesetengah diabolo

dimasukkan alat yang menghasilkan bunyi apabila dipusingkan dengan laju bagi membolehkan pemainnya mengimbangi kelajuan.

"Tongkatnya masih menggunakan kayu keras sebagai bahan utama dan ada juga yang dibuat daripada aluminium lucite, karbon, logam dan *libreglass* yang bersifat lebih ringan dan kuat.

"Tongkat logam menawarkan sifat ringan tanpa mengurangkan kekuatan dan merupakan pilihan yang baik bagi mereka yang ingin melakukan *high stress whips* dan kemahiran lain.

"Sesetengah diabolo mempunyai alur yang dipasang di tepi cakera, alur ini membolehkannya membuat suara bersiul apabila berputar dengan kelajuan tinggi," terangnya lagi.

TERSENARAI DALAM SUKMA

MELIHAT kepada trend permainan yang semakin popular, Kien Chun berharap ia akan terus dimainkan terutama oleh golongan anak muda sekali gus menjadi antara sukan yang dipertandingkan dalam Sukan Malaysia (SUKMA).

"Besarnya harapan saya agar ia tidak hanya terhenti di sini. Sukan ini mendidik pemain tentang keberanian dan keyakinan. Malah, dua perkara ini adalah markah paling tinggi yang akan dinilai dalam sebuah persembahan.

"Dari segi kemahiran pula, tiada spesifik teknik yang diperlukan kerana sesiapa sahaja boleh memainkannya namun satu perkara yang unik tentang sukan ini adalah setiap hari ada sahaja kemahiran baharu yang akan dicipta," ujarnya berharap semua negeri mempunyai sekurang-kurangnya satu kumpulan pemain diabolo. WK



Tabung Kebajikan dan Pelajaran YWP

Tetap hala tuju lebih efektif

HAZIRAH HALIM

SEJAK dilancarkan pada awal Jun lalu, Tabung Kebajikan dan Pelajaran YWP yang digerakkan di bawah inisiatif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) berjaya membantu warga kota yang memerlukan.

Justeru itu, bagi memperkasakan lagi inisiatifnya, Jawatankuasa Tabung Kebajikan dan Pelajaran YWP mengadakan sidang mesyuarat pertamanya bertempat di Wisma YWP dengan memfokuskan kepada hala tuju, polisi dan *term of reference* (TOR), baru-baru ini.

Menurut YWP, mesyuarat itu diadakan bagi membincangkan pelaporan mengenai pelaksanaan program Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T) menerusi aktiviti dan program yang dirancang bagi tahun 2023 hingga 2024.

“Pada mesyuarat tersebut, beberapa perbelanjaan juga diluluskan di mana ia melibatkan kos-kos bagi pelaksanaan program, pembelian barangan, pemilihan pembekal untuk pengurusan Tabung Kebajikan dan Pelajaran YWP selain meluluskan laporan setiap suku tahun.

“Diharapkan mesyuarat yang dijalankan dapat mencapai segala objektif dan matlamat yang ditetapkan bagi membantu menaik taraf kehidupan warga Wilayah Persekutuan khususnya yang berpendapatan rendah (B40),” jelasnya yang memberitahu mesyuarat tersebut turut melibatkan 13 kakitangan



SEKITAR sesi mesyuarat Tabung Kebajikan dan Pelajaran YWP yang diadakan di Wisma YWP, baru-baru ini.

pengurusan YWP.

Terdahulu, mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tabung Kebajikan dan Pelajaran YWP, Datuk Nizam Yahya dan diselaraskan oleh Setiausaha Tabung berkenaan merangkap Timbalan Pengurus Besar Jabatan Komuniti, Komunikasi Strategik dan IT, Datin Dr Ida Harlina Ikhwan Nasir.

Sesi mesyuarat turut dihadiri

oleh Pengarah Eksekutif YWP, Abdul Rahman Siraj; Timbalan Pengerusi Tabung Kebajikan dan Pelajaran YWP merangkap wakil Ahli Lembaga Pemegang Amanah, Gulam Muszaffar Gulam Mustakim serta anggota pakar Industri Ismail Musa, Ahmad Sulaiman dan Foziah Buang.

Antara jenis bantuan dan sumbangan yang digerakkan adalah Bantuan Pemakanan,

Bantuan Kembali Ke Sekolah, Bantuan Awal IPT, Bantuan Khas Bencana, MyGrocer, Usahawan Muda Kota dan pelbagai lagi.

Dalam perkembangan lain, menerusi tabung berkenaan, YWP menyampaikan sumbangan kepada dua buah keluarga yang kurang bernasib baik iaitu Nur Hidayu Hamdan yang menetap di Apartmen Desa Tasik serta Kamarul Zaman Shariff di Perumahan Awam

(PA) Beringin Blok C baru-baru ini.

Sumbangan tersebut disempurnakan oleh Timbalan Pengerusi YWP, Datuk Seri Mahadi Che Ngah serta turut dihadiri Ida Harlina; wakil penyumbang, Datuk Mohammad Fadzlee Mustapa; Ketua Pegawai Eksekutif TF Parking Sdn Bhd, Lukman Hakim Rosli dan wakil HKL, Sharudin Ahmad.

Bagi mereka yang ingin menyalurkan sumbangan ke Tabung Kebajikan dan Pelajaran YWP, boleh ke akaun **8001103675** (CIMB BANK YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN) serta catatkan kod Sumbangan Tabung YWP atau boleh menghubungi talian **03-2698 3073** atau *WhatsApp* **019-348 3073** atau layari laman web rasmi <https://www.yayasanwyp.org/tabung-kebakajian-dan-pelajaran-ywp>. **WK**

PeTA 2023 angkat empat karya dari Asia Tenggara

DIANA AMIR

PENILAIAN Tahun Akhir (PeTA) 2023 bertemakan Meninjau Asia mengangkat empat produksi terdiri daripada 16 orang pelajar yang akan dinilai dalam pelbagai bidang pada 27 sehingga 30 Disember tahun ini.

Menurut Ketua Penyelaras PeTA 2023, **Mohd Shahrul Mizad Asari**, PeTA merupakan subjek penilaian wajib lulus bagi pelajar tahun akhir setiap fakulti di Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan (ASWARA).

“PeTA 2023 menyusuri karya-karya dari Asia Tenggara dan diangkat setelah melihat kesesuaian dan temanya universal berbanding tahun lalu yang hanya memfokuskan karya-karya anak tempatan.

“Antara karya-karya yang akan dinilai adalah A Nowhere Place, Bulan Emas di Jendela Kakek,

Malam Terakhir dan Kisah Cinta dan lain-lain. Seramai 16 pelajar akan dinilai iaitu empat dalam bidang pengarah, empat dalam bidang sinografer manakala lapan pelajar dinilai menerusi bidang lakonan,” katanya penilaian bermula pada pukul 3 petang dan 8.30 malam bertempat di Black Box ASWARA.

Tambahnya, projek berbentuk produksi tersebut dilakukan secara individu atau kumpulan di mana setiap pelajar akan diselia oleh seorang penyelia yang bertindak sebagai pembimbing dan penasihat pelajar daripada peringkat pra produksi hingga penghasilan produksi.

“Antara objektif PeTA 2023 adalah untuk memberi ruang kepada pelajar untuk mengaplikasikan keseluruhan hasil pembelajaran di dalam penilaian akhir mengikut pengkhususan bidang.

“Ia juga bagi memberi pendedahan kepada para pelajar daripada aspek pengarah, lakonan dan kerja-kerja produksi dengan memberi tumpuan kepada naskhah dan produksi teater dalam dan luar negara,” ujarnya pelajar juga wajib menduduki Seminar Akhir (*viva voce*) yang akan menilai hasil kerja mereka.

“Ia juga menggalakkan penerokaan ilmu dengan menggunakan teori dan praktik serta praktis dalam masa yang sama merekodkan proses latihan dan persembahan di dalam bentuk penulisan ilmiah selain produksi, mengasah bakat dan kemahiran pelajar,” ujarnya.

Untuk maklumat lanjut boleh melayari media sosial *@aswara.official* (Instagram), *@aswara* (Facebook), *@ASWARA_official* (X) atau layari laman sesawang ASWARA. **WK**

Penilaian Tahun Akhir (PeTA)

FAKULTI TEATER

ASWARA
MALAYSIA

PeTA 2023
Program Ijazah Sarjana Muda Teater ASWARA

Meninjau Asia


A NOWHERE PLACE	BULAN EMAS DI JENDELA KAKEK	MALAM TERAKHIR	KISAH CINTA & LAIN-LAIN
Pradit Prasartthon	J. Adjim Arijadi	Yokio Mishimka	Aritin C. Noer

27-30 | DISEMBER | 2023
3.00 PETANG | 8.30 MALAM
BLACK BOX ASWARA
TIKET RM 10

PeTA 2023 mengangkat 4 produksi yang terdiri dari 16 pelajar yang akan dinilai dalam pelbagai bidang. 4 orang pelajar akan dinilai dalam bidang pengarah, 4 orang pelajar bidang sinografer manakala 8 orang pelajar dinilai menerusi bidang lakonan.

Facebook/aswara.edu.my | aswara.official | ASWARA_official | ASWARA_official | www.aswara.edu.my

PERCUMA UNTUK YANG CELIK HATI



DAPATKAN JUGA VERSI
E-PAPER WILAYAHKU DI
WWW.WILAYAHKU.COM.MY

DIDIKLAH anak agar menghargai segala nikmat yang dimiliki.
-Gambar hiasan



Ajarilah mereka tentang ujian di Gaza

HINGGA saat ini, bumi Gaza sudah diibarat padang jarak padang tekukur. Cebisan daging dan darah dapat dilihat di mana-mana. Semua bangunan yang menjadi tempat penduduk mendapat perlindungan dan manfaat seperti kediaman, tempat ibadah, hospital, sekolah dan sebagainya sudah hancur lumat akibat dibedil dan dibom.

Tidak lagi dapat disaksikan kanak-kanak berlari-lari keriang, tidak lagi kelihatan kaum ibu saling bertegur sapa sambil membersihkan debu-debu di sekitar halaman rumah, tidak ada lagi sekumpulan bapa-bapa yang bekerja keras membanting tulang mencari nafkah buat isi rumah.

Yang ada hanyalah tangisan dan raungan lantaran kehilangan insan tersayang. Segala yang dimiliki musnah dan lenyap sekelip mata. Yang berbaki hanyalah sisa runtunan, kenangan dan trauma yang sangat mendalam kepada insan yang ditinggalkan.

Dari sudut pandang psikologi, trauma yang dialami boleh memberikan kesan mendalam terhadap diri seseorang yang melalui pengalaman serupa. Selain dari memberikan kesan emosi negatif dan ketakutan yang mendalam, corak pemikiran yang sarat dengan pemikiran negatif secara automatik dan tingkah laku yang boleh mendorong kepada tindak balas ketakutan yang dipicu oleh sistem 'penerbangan, pertarungan, atau pembekuan' otak.

Tindak balas yang dihadapi adalah sering kali menjauhi tempat-tempat tertentu atau individu yang mungkin mengingatkan terhadap trauma serta mengalami kesukaran untuk tidur. Tanpa sedar, gejala ini secara berterusan boleh mempengaruhi fungsi seharian mereka dalam kehidupan mungkin didiagnosis dengan gangguan tekanan pasca-trauma (PTSD).

Meskipun secara kasarnya kita melihat kemusnahan yang besar telah berlaku, namun kekuatan iman warga Gaza sesekali tidak pernah mematahkan semangat mereka untuk meneruskan kehidupan.

Mereka sesekali tidak akan mengalah kerana di dada telah tertanam

kecintaan pada Allah berserta keyakinan yang tinggi dengan janji Allah kepada hamba-Nya yang bermati-matian berjuang mempertahankan hak, maruah dan agama. Sepaliti ketakutan bukan sahaja langsung tidak tampak pada diri dan jiwa mereka bahkan serangan demi serangan makin membakar semangat mereka untuk melaungkan takbir dan kalimah la illa ha illa Allah hatta di hadapan musuh.

Mungkin kita beranggapan penduduk di Palestin telah hilang secara total segala nikmat kehidupan di dunia ini sepertimana yang sedang kita rasai, hakikatnya mereka telah lama membuang jauh dunia dari hati, yang terpahat hanyalah cita-cita yang jauh lebih tinggi iaitu kebahagiaan abadi di akhirat sana. Perjuangan mereka kini adalah bagi meletakkan agama ke tempat tertinggi.

Di sebalik pergolakan, peperangan dan konflik yang sedang berlaku di sana, sebenarnya terkandung banyak pengajaran atau ibrah yang boleh kita ambil untuk menjadikan kehidupan kita sebagai Muslim lebih bermakna. Peperangan yang berlarutan di sana bukan diizinkan Allah berlaku secara sia-sia tetapi terkandung 1,001 hikmah dan ibrah yang perlu direnung oleh kita umat Islam seluruhnya.

Menelusuri sejenis kehidupan yang kita nikmati di Malaysia pada saat ini bukan sahaja perlu disyukuri bahkan ia juga adalah satu bentuk ujian buat kita bagi menguji sejauh mana kita dapat mengurusnya dengan cara yang diredai Allah. Banyak aspek kehidupan yang boleh kita renungkan bersama jika dibandingkan dengan apa yang dilalui oleh penduduk Muslim di bumi Palestin.

KESENANGAN UJIAN BERAT

APA yang boleh kita katakan pada saat ini, tatkala bumi Palestin diuji dengan peperangan, manakala kita pula sedang berhadapan dengan ujian yang jauh lebih berat di sebalik topeng kesenangan dan keselesaan. Sebagai contoh sebahagian masyarakat kita masih lagi melakukan

“Peperangan yang berlarutan di sana bukan diizinkan Allah berlaku secara sia-sia tetapi terkandung 1,001 hikmah dan ibrah yang perlu direnung oleh kita umat Islam seluruhnya. Banyak aspek kehidupan yang boleh kita renungkan bersama jika dibandingkan dengan apa yang dilalui oleh penduduk Muslim di bumi Palestin.

pembaziran makanan, merosakkan harta benda awam, mencuri, membazir masa dengan aktiviti tidak berfaedah serta hiburan secara melampau dan sebagainya.

Masalah sosial seperti perlakuan seks bebas, sumbang mahram, pemerkosaan dan rogol juga sudah tidak terbandung sehingga menatijahkan pelbagai jenayah berat seperti pembunuhan bayi dan pengguguran janin. Manakala kes pembunuhan sudah menjadi tatapan biasa di dada akhbar seolah-olah nyawa manusia sudah lagi tidak bernilai. Justeru, apakah lagi yang kita boleh harapkan dari kesenangan dan keamanan yang kononnya sedang kita nikmati ini?

Adakah masyarakat kini sedang tertipu dengan laungan kesenangan yang dipunyai. Hakikatnya, ujian kesenangan adalah jauh lebih berat kerana ia membuatkan manusia hanyut dan melupakan pemberi nikmat, sedangkan ujian kesempitan dan kesusahan yang dialami oleh warga Palestin makin mendekatkan mereka dengan Allah dan menguatkan kebergantungan kepada Nya. Dari sudut psikologi, ini yang dinamakan *resilience* di mana mereka terus bangkit dan kuat dalam melawan kehilangan, kesedihan melampau dan terus positif.

Resilience ialah keupayaan seseorang untuk menahan atau pulih dengan cepat dari keadaan yang sukar. Ini dibuktikan melalui kebolehan seseorang itu dapat menghadapi cabaran atau krisis lebih tabah dan berdaya juang yang tinggi dalam meneruskan kehidupan seharian.

Kajian literatur dalam bidang psikologi dan kaunseling turut menunjukkan bahawa pendekatan kaunseling psikospiritual terbukti mampu merawat klien dan menghasilkan satu hubungan terapeutik dengan pencipta dan diri.

Walau bagaimanapun, dewasa ini, ramai ibu bapa yang membiasakan anak-anak dengan kemewahan sehingga menjadi kekok dan terkesan apabila menghadapi kesulitan. Anak-anak perlu dididik agar menghargai segala nikmat yang dimiliki, janganlah dibiasakan anak dengan kemewahan sehingga mereka tidak berupaya untuk berfikir dan mencari jalan keluar apabila dilanda masalah.

Lebih utama, anak-anak perlu dipersiapkan dengan didikan agama supaya kelak mereka akan tumbuh menjadi manusia yang mencintai agama, hidup bertuhan dan berpegang teguh dengannya dan menjunjung tinggi agama. Hasilnya, generasi muda akan hidup berpandukan agama, berpakaian mengikut perintah agama dan mengamalkan gaya hidup yang lebih mulia dan terhormat.

Ayuh kita terus menyokong dan mendoakan saudara kita di Palestin dan negara yang sedang dihipit kesempitan dengan seluruh upaya kita. Sekurang-kurangnya doa dan sokongan yang berterusan ini walaupun kecil akan menjadi saksi kita di hadapan Allah dan memberatkan timbangan amal di akhirat kelak.

PENULIS Dr Nurul Husna Mansor merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan Akademi Pengajian Islam. Dr Azmawaty Mohamad Nor adalah Kaunselor Berdaftar dan Ketua Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

Kejohanan Kuda Lasak Piala Presiden PPj 2023

Catat sejarah penyertaan paling ramai



SABRINA SABRE

SERAMAI 122 orang peserta dari seluruh negara berentap dalam Kejohanan Kuda Lasak Piala Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj) 2023 yang berlangsung di Padang Semarak, Taman Wetland Putrajaya baru-baru ini.

Presiden PPj, **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud** berkata edisi keempat kejohanan itu mencatat rekod tersendiri apabila disertai 122 peserta iaitu paling ramai dalam sejarah penganjuran.

"Persatuan Equestrian Malaysia turut mengiktiraf kejohanan ini sebagai penyertaan terbanyak diterima dalam satu-satu kejohanan berkuda di Lembah Klang.

"Ia sekali gus membuktikan kejayaan PPj dalam penganjuran sukan kuda lasak di negara ini selain berjaya membantu melonjakkan lagi industri equestrian negara," katanya dalam satu kenyataan media.

Menurut Fadlun, lebih 90 penyertaan dari seluruh negara telah diterima bagi kejohanan ini yang mana kesemua peserta perlu melalui pengujian kemahiran, mental serta ketahanan kuda masing-masing di trek lasak sepanjang 40 kilometer mengelilingi Wetland Putrajaya.

"Lumba kuda lasak merupakan sukan lumba jarak jauh terkawal yang menguji ketahanan kuda



SEKITAR Kejohanan Kuda Lasak Piala Presiden PPj 2023 yang berlangsung di Padang Semarak, Taman Wetland Putrajaya.

untuk sampai ke penamat yang diiktiraf oleh Federation Equestre Internationale (FEI).

"Kuda yang layak menyertai hendaklah melepasi pemeriksaan doktor veterinar sebelum dibenarkan meneruskan tunggangan serta perlu melepasi pemeriksaan akhir selepas menghabiskan jarak acara," ujar beliau.

Fadlun berkata antara yang dinilai

ialah kadar degupan jantung 64bpm, kelajuan menunggang minimum 8km/jam dan maksimum 16km/jam serta faktor-faktor lain yang mana ia turut menguji penunggang untuk membantu memastikan kuda dapat menamatkan perlumbaan dengan jayanya.

"Trek kuda lasak Taman Wetland Putrajaya merupakan trek yang menjanjikan keselesaan serta

kepuasan menunggang kerana mempunyai permukaan trek yang kebanyakannya rata, luas dan bebas daripada keadaan yang boleh mendatangkan bahaya kepada kuda," ujar beliau trek ini juga turut memaparkan pemandangan dan keindahan Wetland Putrajaya di sepanjang laluan.

Dalam masa sama, Fadlun berkata kejohanan tersebut dilaksanakan

bertujuan untuk mempromosikan Putrajaya sebagai salah satu pusat pelancongan dan lokasi sukan berkuda antarabangsa iaitu di Taman Wetland Putrajaya dan Taman Equestrian Putrajaya.

"Selain itu, kejohanan ini juga dapat mengeratkan hubungan kerjasama di antara Pasukan Berkuda Agensi Kerajaan yang terdapat di Malaysia seperti Pasukan Berkuda Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan kelab-kelab kuda swasta mahupun persendirian.

"Perbadanan Putrajaya berbesar hati dapat merayakan peminat-peminat sukan kuda lasak dan mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Kelab Kuda, Pasukan Berkuda Agensi Kerajaan dan Persatuan Equestrian Malaysia serta penaja yang memberikan sokongan kepada penganjuran kejohanan pada kali ini," ujar beliau.

Dalam kejohanan itu, johan telah disandang oleh M Khusyazzrien M Salleh (PPj) diikuti Asisten Komisioner Rosli Md Yusof (PDRM) bagi naib johan dan tempat ketiga pula dimenangi Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain.

Terdahulu, pemenang tempat pertama berjaya membawa pulang wang tunai RM1,500 berserta piala, naib juara pula menerima RM1,000, tempat ketiga RM700 dan tempat keempat hingga ke-10 menerima RM200. Pihak PPj juga turut menyediakan lebih 30 cabutan bertuah kepada para peserta. **WK**

Hari Terbuka PPK 2023 kukuhkan interaksi sosial

SAMBUTAN ulang tahun ke-17 Hari Terbuka Pusat Pembelajaran Kejuranan (PPK) 2023 yang diadakan di Kompleks Kejuranan Presint 11, Putrajaya berlangsung meriah dengan pelbagai pengisian dan aktiviti menarik untuk seisi keluarga.

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, pelbagai aktiviti menarik telah disusun sebagai pengisian program yang terbuka kepada semua peringkat umur, melibatkan penglibatan golongan warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU).

"Antaranya adalah *Putrajaya Book Fun Run*, Pertandingan Karom, Dam Aji, Catur (OKU, warga emas dan terbuka), Pertandingan Melukis, Mewarna & Doodle, Pertandingan Mereka Bentuk Blok, *Program iRead*, *Art & Craft*, Bengkel Penulisan Artikel, *Game Development Fundamental Clinic* (Bengkel Asas Pembinaan Game), Kaunter Khidmat Pelanggan, Ekspo Jualan Buku & Pameran, *Inflatable Wall Climbing*, Persembahan Silat dan *Drum Circle*, Teka Muka Surat Buku dan

sebagainya.

"Untuk pengetahuan semua, Hari Terbuka PPK ini terbuka kepada semua peringkat umur dan penglibatan semua golongan dengan penganjuran program dan pertandingan khas untuk golongan OKU dan warga emas," katanya semasa Majlis Penyampaian Hadiah Aktiviti-Aktiviti Utama Hari Terbuka PPK 2023 pada Ahad.

Dalam masa sama, Fadlun memaklumkan pengisian program tahun ini telah mendapat sokongan daripada PUSPANITA Cawangan Perbadanan Putrajaya dengan penganjuran dua program iaitu Bengkel Transformasi Penampilan Dalam Pembentukan Imej Profesional dan *PPK Kids Explorace 2023*.

Selain itu, beliau berkata program tahunan itu diadakan bagi mengukuhkan interaksi sosial dan hubungan baik di antara pihak PPK dan komuniti Putrajaya dengan berkonsepkan mesra pelanggan.

"Program seperti ini dapat memperkenalkan kemudahan yang disediakan dan

mempromosikan lagi PPK bagi menarik lebih ramai komuniti menjadi ahli dengan pengisian program serta pertandingan berbentuk pendidikan.

"Buat mereka yang berminat untuk menjadi ahli, keahlian PPK dibuka kepada semua warga Putrajaya dan penduduk dari kawasan sekitar Bangi, Kajang, Dengkil, Serdang dan Puchong yang merupakan warganegara Malaysia.

"Terdapat tujuh kategori ahli iaitu dewasa, remaja, kanak-kanak, OKU dewasa, OKU remaja, OKU kanak-kanak dan warga emas. Untuk bayaran yuran keahlian pula adalah secara tahunan dan mengikut kategori ahli," tambahnya permohonan keahlian hendaklah dibuat di kaunter perkhidmatan PPK dengan mengisi borang keahlian yang disediakan.

Sehingga kini PPK mempunyai empat cawangan iaitu di Presint 8, 9, 11 dan 16. Waktu perkhidmatan juga telah dipanjangkan iaitu dari pukul 10 pagi sehingga pukul 9 malam di atas permintaan pengguna. **WK**



PESERTA Putrajaya Book Fun Run turut memakai pelbagai kostum menarik.

Foto: FARIS AZMI/PPj

Angkat semula peranan Labuan

Isu infrastruktur lebih realistik diatasi



KHAIRUL IDIN

ISU infrastruktur kemudahan asas di Labuan menjadi fokus utama kerajaan yang perlu ditangani dengan kadar segera.

Perdana Menteri, **Datuk Seri Anwar Ibrahim** berkata perkara itu adalah lebih realistik diatasi berbanding projek mega yang menelan belanja berbilion ringgit.

“Kita perlu tengok keupayaan dan jumlah peralihan penduduk dan ia tidak memungkinkan pembinaan jambatan itu ekonomik. Dalam rancangan pembangunan Labuan, kita mengambil langkah-langkah menyegerakan isu-isu rakyat yang penting iaitu bekalan air.

“Kerajaan juga katanya sedang

meneliti langkah menyegerakan penyelesaian masalah bekalan air di Labuan menggunakan peruntukan RM300 juta yang disalurkan kerajaan.

“Saya tidak boleh menerima kenyataan, memacu pembangunan ekonomi pesat dan menarik pelaburan beratus bilion ringgit tetapi masalah asas belum diselesaikan,” katanya pada sesi ramah mesra di Dewan Konvensyen Ujana Kewangan, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, bagi memacu semula pembangunan Labuan, beliau berkata satu persidangan akan diadakan bagi mencari jalan penyelesaian tersebut selewat-lewatnya pada Januari atau Februari tahun depan.

Katanya, persidangan itu akan membabitkan peranan pusat perniagaan dan kewangan antarabangsa Labuan (Labuan

IBFC), Bank Negara, Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC).

“Setelah beberapa tahun tiada sebarang inisiatif baharu bagi membangunkan Labuan meskipun terdapat beberapa cadangan yang dikemukakan untuk memacu ekonomi di pulau itu.

“Sekitar akhir Januari tahun hadapan, BNM, Bursa Malaysia dan SC akan mengadakan persidangan bagi mencari jalan bagaimana kita mampu mengangkat semula peranan Labuan sebagai pusat perniagaan dan kewangan tersohor di rantau ini.

“Kita mahu ada inisiatif baharu di Labuan bagi menarik lebih ramai pemain industri beroperasi, maka ini sebabnya kita mahukan kemudahan asas di Labuan diselesaikan segera,” kata beliau.

WK



SATU persidangan bakal dilaksanakan bagi mencari jalan penyelesaian isu di Labuan.



ANWAR ketika berucap pada Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat di Labuan, baru-baru ini.

Selesai isu di pulau bebas cukai

PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta semua menteri dan timbalan menteri serta semua kementerian yang berkaitan dengan pembangunan di Labuan untuk mengadakan lawatan kerja secara bergilir-gilir bermula Januari tahun depan bagi menyelesaikan pelbagai isu di pulau itu.

Beliau berkata lawatan kerja itu bertujuan mencari jalan penyelesaian kepada pelbagai isu rakyat dan ekonomi di pulau bebas cukai itu.

“Semua agensi dan kementerian akan bergilir-gilir datang ke Labuan dan setiap kementerian mesti ada projek serta peranan untuk bangunkan semula Labuan.

“Mesyuarat Jemaah Menteri baru-baru ini telah memutuskan menteri atau timbalan menteri mesti ke Labuan setiap minggu atau selang seminggu untuk menyelesaikan pelbagai permasalahan di Labuan,” katanya ketika berucap dalam majlis ramah mesra baru-baru ini.

Anwar berkata kerajaan sedang meneliti langkah menyegerakan penyelesaian masalah bekalan air di Labuan menggunakan peruntukan RM300 juta yang disalurkan kerajaan.

“Cuma bagaimana kita ingin

percepatkan proses ini kerana masalah bekalan air sudah tenat, semua agensi yang terlibat diminta bermesyuarat dengan segera dan maklumkan kepada Ketua Setiausaha Negara atau pejabat saya jika ada masalah.

“Projek-projek itu termasuk penggantian pam air di Pulau Enoe dan Bukit Kalam serta tiga projek penggantian paip usang sepanjang 70 kilometer,” kata beliau.

Dalam perkembangan sama, bagi penyelesaian jangka panjang gangguan bekalan elektrik di Labuan, Anwar berkata Kerajaan Persekutuan bercadang supaya Petrolim Nasional Bhd (PETRONAS) untuk membangunkan janakuasa baharu bagi menyelesaikan gangguan bekalan elektrik di pulau itu.

“Kita akan arahkan PETRONAS untuk membangunkan janakuasa yang baharu dengan kaedah laluan pantas bagi penyelesaian gangguan bekalan elektrik.

“Kerajaan lebih memberi keutamaan pemilihan pelaksanaan pembangunan janakuasa ini melalui sistem tender, namun melihat kepada keupayaan dan kredibiliti PETRONAS, ia tidak akan menimbulkan keraguan seperti wujudnya isu komisen atau kepentingan pihak-pihak tertentu,” kata beliau. **WK**

109 premis makanan terima Gred A

SEBANYAK 109 premis makanan di Labuan memperolehi Gred A bagi tahap kebersihan sekali gus menunjukkan peningkatan sebanyak 14 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, **Rithuan Mohd Ismail**, pencapaian tersebut memberi impak positif dari segi kepuasan bukan sahaja kepada pelanggan tetapi juga kepada peniaga yang menitikberatkan kebersihan premis makanan masing-masing.

“Selain itu jumlah premis yang mendapat Gred B juga telah menurun sebanyak 77 buah berbanding tahun sebelumnya 87 premis. Dalam masa yang sama, ia mencatat penurunan sebanyak 6.9 peratus kerana usaha dan komitmen premis untuk mendapat

Gred A,” katanya kepada pemberita pada Majlis Anugerah Kebersihan Premis Makanan Tahun 2023 di sini, baru-baru ini.

Rithuan berkata sejak tahun 2018, tiada lagi premis makanan yang mendapat Gred C dan ia memberi imej positif kepada pengusaha makanan di Labuan.

Bermula tahun 2024, Perbadanan Labuan menetapkan setiap tandas di premis restoran dan kedai kopi perlu mencapai taraf dua bintang ke atas sebelum lesen perniagaan mereka diperbaharui.

“Peraturan ini digubal tidak lain dan tidak bukan adalah untuk memastikan keselesaan pelanggan, pengunjung dan pelancong serta untuk mewujudkan satu suasana yang bersih dan sihat di Labuan,” katanya. **WK**



RITHUAN (dua dari kiri) bersama pengusaha premis makanan di Labuan yang menerima Gred A di Menara Perbadanan Labuan.



ANTARA pengusaha premis makanan yang menerima Gred A.



AKSI Sharul ketika Asian Games Hangzhou 2022 pada September lalu.

Fokus buru mata ke Olimpik 2024

Sharul tamat kemarau 17 tahun negara

SABRINA SABRE

LEBIH 13 tahun berkecimpung dalam arena sukan gimnastik Artistik menjadikan atlet negara, **Muhammad Sharul Aimy Kamarul**, semakin matang dalam menentukan arah tuju kejayaannya.

Berjaya meraih gangsa dalam acara melombol di Hangzhou pada September lalu menjadi detik bersejarah apabila dia berjaya menamatkan penantian 17 tahun skuad gimnastik untuk memenangi pingat di Sukan Asia selepas kali terakhir dilakukan Ng Shu Wai yang merangkul perak di Doha 2006 dalam acara sama.

Bercerita lanjut tentang perkembangan terbaharu, atlet berusia 22 tahun ini memaklumkan kini dirinya mengalihkan tumpuan untuk memburu mata kelayakan ke temasya Sukan Olimpik Paris 2024.

Atlet dari Terengganu itu juga berharap dapat mencari penaja bagi menyokongnya merealisasikan impian ke Olimpik termasuk perancangan mengadakan latihan di luar negara sebelum menyertai empat Piala Dunia Gimnastik

Artistik di Kaherah (Mesir), Cottbus (Jerman), Doha (Qatar) dan Baku (Azerbaijan).

"Saya memang tiada cuti selepas Sukan Asia dan terus fokus untuk latihan Piala Dunia tahun depan. Kejohanan itu sangat penting sebab ia merupakan peluang terakhir untuk saya layak ke Sukan Olimpik dan jika terlepas saya terpaksa tunggu edisi seterusnya," ujarnya kepada Wilayahku.

Dalam pada itu, pelajar jurusan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi di Universiti Putra Malaysia (UPM) ini memberitahu dia menyimpan cita-cita untuk menjadi seorang jurulatih gimnastik satu hari nanti.

"Impian itu telah lama disimpan sejak kecil lagi. Saya sendiri tak tahu sampai bila saya akan bergelar atlet gimnastik. Tapi, seandainya satu hari nanti khidmat sebagai atlet tidak lagi diperlukan, saya ingin membantu pelapis baharu dalam sukan ini," ujar anak ketiga daripada enam orang adik-beradik ini.

Pernah muncul sebagai cameo dalam sebuah drama adaptasi Korea, atlet ini tidak menolak

Pencapaian Sharul Aimy

2023 - SEA Games - Tempat ketiga

2022 - Asian Games Hangzhou - Tempat ketiga

2021 - Pharaoh's Cup Egypt - Tempat kedua

sekiranya diberi peluang untuk bergelar pelakon.

"Ibaratnya kalau ada peluang di depan mata dan sesuai dengan jadual, saya tidak menolak kemungkinan untuk terjun sepenuhnya dalam dunia seni.

"Sebelum ini saya pernah mencabar diri dengan menerima tawaran berlakon walau bagaimanapun saya akui ia bukan mudah. Biarpun ketika itu, babak yang saya lakonkan sedikit tetapi perlu mengambil masa dua hari," ujarnya fokus utamanya adalah bidang sukan. **WK**

E-sukan catat pertumbuhan pesat

PENYERTAAN orang ramai dalam sukan elektronik, yang biasanya dikenali sebagai e-sukan, semakin meningkat pada 2023 di tengah-tengah usaha oleh Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) untuk memupuk bakat tempatan susulan semakin banyak kejohanan dan acara berkaitan dengannya diadakan.

Setakat ini Malaysia merekodkan kira-kira 14 juta pemain e-sukan. Banyak program dan inisiatif perintisan telah diperkenalkan untuk menyokong pengembangan industri tersebut, disebabkan ia mudah untuk diakses melalui komputer peribadi dan telefon pintar.

Pengarah Pembangunan Kandungan Digital MDEC, **Mohan Low Han Sen** berkata memandangkan agensi kerajaan itu dipertanggungjawabkan untuk menyokong transformasi digital negara, MDEC memainkan peranan penting dalam menyokong bakat tempatan, menarik penganjuran acara antarabangsa di negara ini dan menjadikan Malaysia sebagai hab bagi kecemerlangan e-sukan.

Hasil gabungan daripada usaha ini ekosistem e-sukan Malaysia semakin berkembang pesat dan negara menyaksikan lonjakan bilangan pengguna e-sukan yang aktif.

Untuk menyemarakkan lagi keterujaan ini, banyak program telah dijalankan seperti pertandingan dalam acara utama seperti Festival Kandungan Digital Malaysia dan Cabaran Shoutcasting MDEC untuk pelajar sekolah menengah.

Dengan memupuk persekitaran perniagaan yang menggalakkan dan menyokong syarikat pemula dan organisasi e-sukan, Low berkata Malaysia boleh menjadi hab serantau untuk acara dan kejohanan penciptaan

kandungan e-sukan.

"Industri pembangunan permainan di Malaysia telah meletakkan negara sebagai kuasa kandungan digital terkemuka di landskap global.

"Dengan ekosistem e-sukan yang berkembang maju Malaysia boleh melahirkan pasukan dan pemain e-sukan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa serta menarik penganjuran acara dan liga utama ke negara ini," katanya.

Low berkata kepakaran Malaysia dalam pembangunan permainan, animasi dan teknologi kreatif akan menyumbang ke arah penciptaan kandungan e-sukan berkualiti tinggi dan pengalaman permainan yang inovatif.

"Sebagai peneraju pemikiran, profesional dan organisasi e-sukan Malaysia boleh membentuk perbincangan industri dan memacu inovasi dalam sektor itu," katanya.

Low menjelaskan memandangkan industri itu semakin mendapat perhatian, adalah penting untuk memastikan kesejahteraan fizikal dan mental atlet e-sukan dengan menyediakan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan, sokongan kesihatan mental dan penggalakan tabiat permainan yang sihat.

"Ketika industri berkembang, peraturan dan dasar yang komprehensif diperlukan untuk mentadbir kontrak pemain, pengurusan pasukan, hak harta intelek dan persaingan yang adil. Rangka kerja kawal selia yang telus dan adil penting bagi integriti dan kemampanan ekosistem," katanya.

Dengan menangani cabaran ini, Malaysia boleh memastikan pertumbuhan industri yang mampan dan bertanggungjawab, pada masa sama memaksimumkan faedah dan mengurangkan risiko. - BERNAMA





Hidup tidak selalu indah

ISU tekanan hidup dalam kehidupan pada hari ini sudah menjadi perkara biasa. Namun, ramai yang memandang ringan hal tersebut sedangkan ia mampu menjejaskan arah tuju kehidupan jika tidak ditangani dengan baik.

Pelakon dan pengarah, **Datuk Aaron Aziz** merupakan antara selebriti yang sering memberi nasihat kepada masyarakat terutamanya golongan muda apabila melakukan sesi *live* menerusi media sosialnya.

Menurut Aaron atau nama sebenarnya Aaron Mustapha Aziz, 47, seberat mana pun masalah yang ditanggung usah terburu-buru sehingga mengambil langkah berlawanan dengan kehendak agama.

“Jangan cepat putus asa dalam usaha kita menangani stres kerana lambat-laun, apa saja dapat diselesaikan sekiranya bersabar. Bercakap pasal sabar, saya tahu ia tidaklah semudah yang disangka. Namun, kalau tidak kuat, tolonglah elak atau cegah diri daripada melakukan perkara yang boleh memudaratkan diri.

“Nasihat saya kepada anak-anak muda di luar sana, yang pertama jauhilah dadah. Bila kita putus asa, otak kita akan fikir yang bukan-bukan. Jadi ia cenderung membuatkan kita terfikir yang tidak sepatutnya. Minta kita semua dijauhi perkara yang tak elok.

“Apa yang menyedihkan, terdapat anak muda yang tidak tahan mental mengambil dadah kononnya boleh menenangkan fikiran yang sedang kusut. Percaya atau tidak, penyalahgunaan dadah itu akan menjurus seseorang kepada penyakit kemurungan dan akhirnya bunuh diri. Tiada istilah boleh tenang diri dengan dadah. Itu bukan tenang tetapi menghancurkan diri,” ujarnya.

Dalam masa yang sama, keluarga perlu memainkan peranan dan ambil tahu masalah anak. Tanpa pengawasan yang betul, anak-anak mudah terpengaruh dengan rakan sebaya.

“Apabila orang muda ini jauh daripada keluarga atau tidak mendapat perhatian, maka kawan-kawanlah menjadi tempat mencurahkan rasa. Kalau mengadu pada kawan yang salah, dibimbangi dadah menjadi saranan untuk selesaikan masalah.

“Maka bermulalah episod merosakkan diri sendiri apabila menjadi ketagihan. Bagaimana dengan masa depan mereka? Jadi janganlah pandang remeh masalah

mental terutamanya anak-anak muda yang baru nak kenal dunia,” ujarnya.

JANGAN HUKUM DIRI

MENYENTUH soal anak muda yang mudah stres atau putus asa dalam hidup apabila gagal dalam percintaan, Aaron sempat berpesan apa sahaja yang berlaku, kita sebagai hamba-Nya perlu wajib percaya qada dan qadar yang telah diaturkan Allah.

“Disebabkan cinta, ada yang sanggup membunuh, mendera dan menabur fitnah dan sebagainya. Itulah situasi sebenarnya. Zaman sekarang dah tak macam dulu.

“Anda semua kena percaya dalam soal jodoh. Kalau sudah ditakdirkan untuk kita, ia akan jadi milik kita. Kalau tiada jodoh, ingatlah dunia ni bukan hanya ada seorang perempuan atau seorang lelaki sahaja,” tegasnya.

Setiap yang berlaku pasti ada hikmahnya. Masalah atau dugaan yang datang memang menguji kesabaran namun pastinya ada hikmah di sebaliknya.

“Apa yang penting, percaya atau beriman. Kalau kita kehilangan seseorang, kita tak tahu apa hikmah di sebaliknya. Mana tahu Allah nak selamatkan kita. Mungkin kalau kita bersama orang yang kita suka itu, hidup kita akan lebih sengsara.

“Sakit kerana cinta atau yang berkaitan hati ini memang sangat perit untuk orang yang kecundang atau kecewa dalam percintaan. Apa-apa pun kita kena faham, inilah kehidupan. Hidup tidak selalunya indah. Kadang-kadang kita kena lalui derita, jatuh bangun. Itu normal.

“Semua itu bukanlah pengakhiran hidup. Janganlah terlalu fanatik dengan seseorang. Sebab kalau terlalu fanatik, apabila dia tidak ada, itu yang boleh merosakkan kita,” katanya.

SAYU YANG SYUKUR

NAMA Aaron Aziz sudah cukup sinonim dengan naskhah filem yang bertemakan cinta. Bersandarkan pengalaman yang luas dalam dunia lakonan, Aaron diberi peluang untuk mengarahkan naskhah cinta berjudul *Sayu Yang Syukur*.

Aaron berkata pembabitannya dalam filem tersebut selaku pengarah bermula

setelah ditawarkan sendiri oleh Penerbit Eksekutif, Allahyarham Datuk Gulzar Mohamad Noor Mohamed atau lebih dikenali sebagai Mohd Atlas pada tahun 2015.

“Pada awalnya saya diberikan peluang untuk berlakon sahaja, namun arwah kemudiannya menawarkan kepada saya untuk mengarah filem ini. Ini satu peluang yang tidak harus dilepaskan memandangkan saya tak pernah mengarah sebuah filem cinta,” ujarnya.

Selain Aaron, *Sayu Yang Syukur* juga turut menampilkan Nora Danish dan Arja Lee sebagai teraju utama.

Jelas Aaron, watak Qudaim yang dibawanya berbeza daripada karakter yang pernah dibawanya sebelum ini.

“Nak tahu apa perbezaannya, kenalah tonton nanti. Saya pun ada kongsi *trailer* filem *Sayu Yang Syukur* ini dalam media sosial saya. Siapa yang dah tengok, mesti cakap ia watak yang belum pernah saya lakonkan.

“Sebagai pelakon dan pengarah untuk filem ini, saya ada peluang untuk mempelbagaikan karakter dan tidak terhad untuk saya mencuba yang baharu, sebab itulah ada perbezaan watak Qudaim itu,” ujarnya.

Menurut Aaron, filem ini bukan berkisarkan konflik percintaan semata-mata, malah banyak elemen lain yang menarik.

“Filem ini bukan sahaja kisah dua orang lelaki merebut seorang wanita, ia memaparkan banyak aspek atau sudut. Antaranya adalah aspek kekeluargaan. Tidak dinafikan ada di luar sana, keluarga yang ada segalanya-galanya, tetapi apabila Allah menarik satu nikmat dari segi kesihatan, memang tidak ada nilai. Duit banyak pun tak boleh beli kesihatan.

“Selain itu, filem ini juga menekankan soal kesihatan mental, kekuatan seorang wanita dan soal jodoh. Kalau kita orang baik, kita akan dijodohkan dengan orang yang baik.

Tambahnya lagi, di akhir filem tersebut turut dimasukkan sepotong ayat Al-Quran yang menekankan tentang lelaki yang baik untuk wanita yang baik. Ternyata ia bukan sebuah kisah cinta yang klise tetapi lain daripada filem yang pernah ditonton.

“Saya tengok 20 kali pun, setiap tontonan itulah saya menangis,” ujar Aaron kepada *Wilayahku*. **WK**

Cabaran ibu bapa sangat besar

DARI MUKA 24

STATISTIK menunjukkan jenayah yang melibatkan nyawa kanak-kanak amat membimbangkan. Menurut Che Ta, bahaya jenayah terdedah kepada kanak-kanak di mana sahaja.

“Tak dinafikan, cabaran ibu bapa sekarang sangat besar. Sekarang banyak kejadian jenayah yang melibatkan kanak-kanak yang tidak berdosa dan naif. Di mana-mana sahaja boleh berlaku tanpa kita sangka.

“Disebabkan itulah saya jarang sangat ‘beritahu’ di media sosial di mana saya berada. Maksud saya keadaan atau lokasi semasa di mana saya dan keluarga berada.

“Misalnya kalau saya dan anak berada di Petaling Jaya, saya akan *late post*. Bukannya membuat hantaran itu pada masa saya berada di tempat acara itu.

“Jadi orang ingat kami berada di situ tetapi sebenarnya kejadian itu telah berlalu. Bukan apa, apabila terlalu terbuka bercerita dalam media sosial, ia sebenarnya berbahaya. Kita tidak tahu niat orang di luar sana.

“Tidak salah berkongsi gambar anak-anak dalam media sosial, cuma kita kena berhati-hati. Janganlah dikongsikan maklumat terlalu terperinci. Sekarang zaman media sosial. Apa yang berlaku boleh diketahui hanya di hujung jari.

“Kadang-kadang buat *live* atas tuntutan kerja. Namun apa-apa pun kena berhati-hati, bincang dengan suami atau ahli keluarga apa yang patut dilakukan agar sentiasa selamat.

“Dalam masa yang sama, janganlah terlalu dedahkan anak di media sosial untuk menghindari jenayah yang semakin berleluasa sekarang. Macam saya cakap tadi, jangan terlalu kongsi keadaan semasa kita,” jelasnya. **WK**





Tempatnya di syurga — Rozita Che Wan

KHAMIS lalu negara digemparkan dengan kes pembunuhan tragis kanak-kanak autisme, Zayn Rayyan Abdul Matiin, 8, di mana mayatnya ditemui di kawasan anak sungai berdekatan Apartmen Idaman, Damansara, selepas beberapa jam dilaporkan hilang.

Hasil bedah siasatan kemudian membongkar punca kematian kanak-kanak malang itu dengan beberapa kesan jerut di leher dan turut dikaitkan dengan jenayah seksual.

Kisah ini turut meruntun hati pelakon popular, **Rozita Che Wan** yang amat memahami naluri dan isi hati ibu kepada Allahyarham Zayn iaitu Ismanira Abdul Manaf, 28.

"Berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul. Sebagai seorang ibu, saya faham apa yang ibu Zayn lalui saat ini. Biarpun ada netizen yang kecam dan tuduh Ismanira kononnya cuai, tetapi bagi saya kecaman ini cukup biadap kerana kita tidak tahu perkara sebenar. Itu yang saya tidak faham dengan perangai netizen.

"Orang sedang bersedih kehilangan anak, mereka boleh pula nak kecam dan tuduh yang bukan-bukan. Sepatutnya mendoakan, bukannya mengeji. Apa yang saya boleh cakap, rasanya tidak sesuai netizen nak masuk campur atau menghakimi kehidupan orang lain. Ini kerana kita tidak berada di tempatnya,"

katanya.

Wanita yang lebih mesra disapa Che Ta ini mengakui tidak dapat membayangkan situasi ibu Zayn apabila mendapat tahu anaknya disahkan meninggal dunia akibat dibunuh.

"Kalau saya di tempatnya, saya tidak tahu bagaimana keadaan saya ketika itu. Tidak dapat dibayangkan betapa sedih dan runsing apabila anak hilang.

"Jadi ketika saya *repost* di *Instagram*, saya tulis siapa ada nampak Zayn minta kerjasama untuk serahkan kepada pihak berkuasa yang sedang jalankan siasatan.

"Walaupun ketika itu saya sedang sibuk dengan penggambaran, saya tetap ambil masa untuk beritahu berita itu kepada pengikut-pengikut di media sosial kerana saya faham situasi seorang ibu apabila kehilangan anak.

"Saya mendoakan agar Puan Ismanira tabah dan banyakkan bersabar menghadapi dugaan ini. Semoga anak kecil yang istimewa ini ditempatkan di syurga Allah.

"Apabila saya tengok gambar arwah, adik Zayn ini sangat tabah dan tenang. Semoga keluarganya terus diberikan semangat dan berada dalam perlindungan Allah.

"Dalam masa yang sama, saya sentiasa mendoakan agar ada keadilan untuk adik Zayn. Kita pun tidak sabar untuk tahu, siapalah pelaku yang sangat kejam," ujarnya. **WK**